



MABOPA

Malaysian Book Publishers Association

(PPM-002-10-14011989)

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-53

Persatuan Penerbit Buku Malaysia

Secara maya di platform Zoom

SABTU • 23 APRIL 2022 • 9:00 PAGI

2022

Mesyuarat Agung Tahunan ke-53

23 April 2022

Disusun dan diterbitkan oleh:



Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

7-6, Blok E2, Jalan PJU 1/42A,

47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: +603 7880 5840 ; Fax: +603 7880 5841

E-mel: info@mabopa.com.my

www.mabopa.com.my

KANDUNGAN

1.0	Senarai Ahli-Ahli MABOPA Yang Berdaftar	5
2.0	Notis-notis Mesyuarat	11
2.1	Notis Awal Mesyuarat	12
2.2	Notis Mesyuarat	13
3.0	Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-52	15
4.0	Laporan Jawatankuasa Eksekutif MABOPA 2021/2022	29
5.0	Laporan-Laporan Audit Kewangan Untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021	51
5.1	Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)	52
5.2	MABOPA Events Sdn Bhd	71
5.3	Pengesahan Juruaudit Dalaman 1	93
5.4	Pengesahan Juruaudit Dalaman 2	94
6.0	Lampiran Laporan Jawatankuasa Eksekutif MABOPA 2021/2022	95
7.0	Cadangan Usul	241

1.0
Senarai Ahli-Ahli MABOPA
Yang Berdaftar Sehingga 1 Mei 2021

■ 1.0 Senarai Ahli-Ahli MABOPA Yang Berdaftar

Maklumat Keahlian MABOPA Sehingga 1 April 2022

No.	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil
1	201207	Abadi Ilmu Sdn Bhd	Roziah bt Mat Sani
2	202204	Adana Enterprise	Norhayati binti Harun
3	202007	Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd	Najihah binti Ahmad Azam
4	201107	Al Baghdadi Method Sdn Bhd	Jalaluddin bin Hj Hassanuddin
5	200615	Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd	Hj Che Mazlan Hj Saad
6	201604	Al-Hidayah House Of Publishers Sdn Bhd	Abdul Rahman bin Samsudeen
7	200417	Alpha World Publications Sdn Bhd	Ng Kok Leong
8	201403	Ana Muslim Sdn Bhd	Azizuddin Ahmad
9	201717	Anaasa Publication	Azilawaty Muda
10	200809	Ar-Risalah Product Sdn Bhd	Abdul Rahman bin Samsudeen
11	200703	Aras Mega (M) Sdn Bhd	Sheikh Sirhan Bakatal bin Ahmad Bakatal
12	199801	Arus Intelek Sdn Bhd	Tan Sri Azizah Mokhzani binti Abdul Ghani
13	200711	Asia Galaxy Sdn Bhd	Siatan Ahmad
14	198605	Associated Educational Distributors (M) Sdn Bhd	Steven Lee
15	202007	Attin Press Sdn Bhd	Sulaiman Ali
16	201710	Azimath Publications	Faridah binti Mat Saman
17	200404	Beh-Er Publication Sdn Bhd	Jennifer Ng
18	200303	Berlian Publications Sdn Bhd	Noor Ali Hameed
19	201611	Bestari Karang kraf Sdn Bhd	Izzat Izhar bin Muhammad Nasir
20	201108	Buku Fixi Sdn Bhd	Amir Muhammad
21	200001	Cemerlang Publications Sdn Bhd	Vincent Gow
22	200004	Crescent News (K.L) Sdn Bhd	S. Ahamed Kabeer
23	201813	Dakwah Corner Bookstore (M) Sdn Bhd	Siti Zalina Omar
24	198711	Darulfikir	Siti Fitiyah Hanum Mohamad
25	198513	Dewan Bahasa Dan Pustaka	Dr. Haji Abang Patdeli bin Abang Muhi
26	202201	Dua Penulis PLT	Norsa'adah bt. Ahmad
27	200708	E Media Multimedia Group Sdn Bhd	Ishak Hamzah
28	200206	Edaran Kemajuan (M) Sdn Bhd	Zawiah Ghani
29	198816	Eddiplex Sdn Bhd	Steven Khoo
30	200204	Eliteguh Industries Sdn Bhd	Sarah Hoe
31	201212	Evergreen Publisher Sdn Bhd	Rachel Poon
32	200721	Fajar Pakeer Sdn Bhd	Hj Pakeer Mohamed
33	200205	Fargoes Books Sdn Bhd	MH Ershad Ahmad Hj. Mohd Haneefa
34	198901	Flo Enterprise Sdn Bhd	Zawiyah Yahya
35	200803	Galeri Ilmu Sdn Bhd	Hj Mohd Yusri bin Mohd Yusof
36	200903	GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd	Chong Ton Sin
37	200307	Gemilang Publishing Sdn Bhd	Koh Yok Hwa
38	201005	Global Mediastreet Sdn Bhd	CK Mok
39	198210	Golden Books Centre Sdn Bhd	Dato Dr. Hj Syed Ibrahim
40	198303	Grolier (Malaysia) Sdn Bhd	Walter Lee
41	201106	Grup Buku Karang kraf Sdn Bhd	Azizi Bin Fikry
42	200614	Grup Majalah Karang kraf Sdn Bhd	Azizi Bin Fikry
43	201103	H & K Educational Sdn Bhd	Tan Boon Kiat

Maklumat Keahlian MABOPA Sehingga 1 April 2022

No.	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil
44	200102	Heng Hui Enterprise Sdn Bhd	Henry Leung Yih Shyng
45	198807	Hup Lick Publishing (M) Sdn Bhd	Lee Nai Khang
46	200203	Hypersurf Corporation Sdn Bhd	Z. H. Lo
47	198209	IBS Buku Sdn Bhd	M.T Balan
48	201406	Idea Kreatif Publication	Hani Fazuha
49	201905	IIUM Press	Roosfa Hashim
50	201512	Iman Publications	Fatin Syamimy Liana Badaruddin
51	200605	Impiana Publications & Distributors Sdn Bhd	Desmond T.H Chee
52	201519	IMS Books Trading Sdn Bhd	Datuk Haji Mohidin bin Abdul Hamid
53	201111	In Team Publishing Sdn Bhd	Mohd Syahril bin Ab. Khalid
54	201718	Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad	Sakri Abdullah
55	202002	Integra Creative Media Sdn Bhd	Linda Tan
56	198507	International Law Book Services	Dato Dr. Hj Syed Ibrahim
57	201907	Jejak Tarbiah Publication	Saadiah binti Ali
58	201606	Kadokawa Gempak Starz Sdn Bhd	Chris Yew Chen Han
59	202006	Kaseh Aries Publication Sdn Bhd	Zainuriah Abd Rahman
60	201802	Kasi Terbit PLT	Rohaniah Noor Jahron
61	201101	Kelas Buku Sdn Bhd	Zainora Muhamad
62	199402	Kohwai & Young Publications (M) Sdn Bhd	Young Poh Loon
63	200207	Kualiti Books Sdn Bhd	Raymond Yeo Chin Hean
64	201006	Kumpulan Desa Fikir Sdn Bhd	Datin Nor Azian binti Ismail
65	201517	Ladybug Publishing And Distribution	Awtar Singh Balwant Singh
66	201809	Latip Dan Keluarga Enterprise	Abdul Latif Bin Talib
67	201713	Lovenovel Enterprise	Alida binti Jusoh
68	201703	Maghfirah Pustaka (M) Sdn Bhd	Mohd Nor Afendi bin Ab Manan
69	198405	Malaysian Book Centre	V. Kaladevi
70	201705	Maple Comics Sdn Bhd	Fairul Nizam bin Ablah
71	196905	Marshall Cavendish (M) Sdn Bhd	Joy Tan
72	202101	Maxim Press & Publication Sdn Bhd	Shenthil Nathan
73	200411	Maya Press Sdn Bhd	Law King Hui
74	200310	McGraw-Hill (Education) Malaysia Sdn Bhd	Daniel Chee
75	199703	MDC Publishers Sdn Bhd	Ahmad Hussein Thajudeen
76	200607	Mika Cemerlang Sdn Bhd	Marvin Ooi Peng Lam
77	200111	Mind To Mind (M) Sdn Bhd	Shenthil Nathan
78	202005	Minds Galaxy	Fadzli Hashim
79	201201	Moy Publications Sdn Bhd	Azrul Izar Abd Wahab
80	200613	MPH Group Publishing Sdn Bhd	Kuah Sze Mei
81	200402	Multi-Educational Book Enterprise	P.R. Mohan
82	200904	Must Read Sdn Bhd	Abdul Kahar Abdul Hamid
83	200710	Navision (M) Sdn Bhd	Joshua Hoe Chen Ming
84	201303	Nilam Publication Sdn Bhd	Tee Chee Chong
85	202009	Nuha Creative Resources	Mohamed Nasser Mohamed
86	202202	Nukilan Biruni Trading	Ahmad Mustaqim bin Ahmad

■ 1.0 Senarai Ahli-Ahli MABOPA Yang Berdaftar

Maklumat Keahlian MABOPA Sehingga 1 April 2022

No.	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil
87	201601	Nur El-Hikmah	Muhammad Faris bin Zulkharnane
88	202208	Nusa Centre	Syed Mohd Zakir Syed Othman
89	200302	Odonata Publishing Sdn Bhd	Khor Shuqi
90	201008	Orbit Buku Sdn Bhd	Law King Hui
91	200911	Pan Asia Publications Sdn Bhd	Chia Hai Chew PMC
92	197302	Pan Malayan Publishing Co. Sdn Bhd	Dr. Tan Tat Chin
93	201901	Patriot Publishing Sdn Bhd	Syazrul Aqram Iman
94	196901	Pearson Malaysia Sdn Bhd	Nur Azdalia binti Abdul Malek
95	200718	Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd	Abdul Halim Pekan bin Iskin
96	198407	Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd	Jennie Ho
97	201908	Penerbit Alami Sdn Bhd	Wan Mohd Rashidi bin Wan AB Rashid
98	200909	Penerbit Ilmu Bakti Sdn Bhd	Lee Yiau Kuang
99	201608	Penerbit Mahir Sdn Bhd	Yasmin Yusoff
100	198702	Penerbit Prisma Sdn Bhd	Wong Peng Khuen
101	202010	Penerbit UiTM	Prof. Dr. Ghazali bin Daimin
102	201906	Penerbit UMP	Muhammad Azli bin Shukri
103	202103	Penerbit UniSZA	Tengku Mohd. Saifuddin Engku Jalal
104	198302	Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia	Datin Dr. Saadah Hj. Jaffar
105	196906	Penerbit Universiti Malaya	Adam Wong Abdullah
106	201903	Penerbit Universiti Malaysia Kelantan	Azman bin Hashim
107	199802	Penerbit Universiti Putra Malaysia	Kamariah Mohd. Saidin
108	202003	Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia	Hariza Mohd Yusof
109	202102	Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Penerbitan)	Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad
110	199101	Penerbit Universiti Teknologi Malaysia	Yosman Mohd Bain
111	202011	Penerbit UPSI	Azlan Mohd Dahari
112	200401	Penerbitan Bangi Sdn Bhd	Wong Liang Sim
113	198908	Penerbitan Fargoes Sdn Bhd	MH Ershad Ahmad Hj. Mohd Haneefa
114	201804	Penerbitan Inspirasi Sdn Bhd	Teoh Heng Yee
115	198706	Penerbitan Jaya Bakti Sdn Bhd	Dato' Dr. Silvaraju
116	201602	Penerbitan Karyaseni Sdn Bhd	Fatin binti Mohd Nasir
117	201801	Penerbitan Kata Pilar (M) Sdn Bhd	Ahmad Fadhil Mohamad Pakarul-Razy
118	200109	Penerbitan Nadi Ilmu Sdn Bhd	Sekri Bin Hamat
119	198201	Penerbitan Pelangi Sdn Bhd	Sum Lih Kang
120	200701	Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia	Sumitha Thavanendran/Muhammad Ajad
121	201516	PTS Media Group Sdn Bhd	Arief Hakim Sani bin Rahmat
122	201304	Pustaka Al-Ehsan	Zainura binti Zainal Abidin
123	201506	Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd	Mohd Firdaus Ahmad
124	201514	Pustaka Darul Iman	Norazlin bt Ismail
125	201704	Pustaka Jiwa Sdn Bhd	Mehar
126	202203	Pustaka Permata Ummah Sdn Bhd	Siti Nurul Afiqah binti Sazali
127	197603	Pustaka Sistem Pelajaran Sdn Bhd	T. Thirughana
128	201007	Rimbunan Ilmu Sdn Bhd	Dato' Mohd Salleh bin Saidin
129	202008	Rimbunan Publishing House Sdn Bhd	Irnle Suhaida Musa@Mustafa

Maklumat Keahlian MABOPA Sehingga 1 April 2022

No.	No. Ahli	Nama Ahli	Nama Wakil
130	198814	S. Abdul Majeed & Co. Sdn Bhd	Harun Rashid
131	201610	SAP Publications (M) Sdn Bhd	Ang Wooi Kok
132	198606	Sasbadi Sdn Bhd	Chok Siew Sin
133	200805	Sasmurni Bakti Sdn Bhd	Lee Nai Chuang
134	201902	Scholastic (ASIA) Sdn Bhd	Selina Lee
135	201806	Sentap Press Sdn Bhd	Asrul Effendi Bin A. Rahman
136	201715	Shake Book Projects Sdn Bhd	Sheikh Faisal Sheikh Mansor
137	201810	Sifufbads Press Sdn Bhd	Siti Afzan
138	201709	SJ Creative	Jihan
139	201401	SR Publication	Mazelan bin Zainol Abidin
140	201807	Suara Hati Publication	Muhamad Hasri Kasim
141	202001	Sunway University Sdn Bhd	Carol Wong
142	201404	Telaga Biru Sdn Bhd	Datuk Dr Hj Zahazan Mohamad
143	202205	Tertib Publishing	Mazliati Binti Mazlan
144	202206	The Biblio Press Enterprise	Kiridaren Jayakumar
145	197203	The Malaya Press Sdn Bhd	Lew Yok Long
146	201405	The Malaysian Current Law Journal Sdn Bhd	Rostinah Mohamad Gaus
147	201805	Tintarona Publications Sdn Bhd	Marina bte Mohamed
148	201814	Toad Publishing & Distributions Sdn Bhd	Dato' Inder Singh A/L Beant Singh
149	200003	Tunas Pelangi Sdn Bhd	Chiam Choon Seang
150	200609	UMA Publications	Sivabalan Sothinathan
151	199008	United Publishing House (M) Sdn Bhd	Chai Jing Feng
152	200601	UPA Press Sdn Bhd	Yeong Choon Hong
153	197701	Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd	Rozita Yusoff
154	201904	UUM Press	Prof. Dr. Hamidi Ismail
155	202004	Whitecoat Group Sdn Bhd	Ahmad Nabieh Abqory Rahmat
156	201808	Xentral Methods Sdn Bhd	Zulaiha Binti Mohd Nawi
157	200702	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia	Zalilah Bahari
158	200403	YM Haruman Jiwa Sdn Bhd	Liu Hann Wen
159	201211	Zeti Enterprise	Hj Ibrahim bin Talib

[Mukasurat ini dibiarkan kosong dengan sengaja.]

2.0

Notis-Notis Mesyuarat



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ke-53

Notis Awal

Dengan ini dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) yang ke-53 akan diadakan pada hari **Sabtu, 23 April 2022** pada jam **9.00 pagi** di **Platform Zoom**. Notis akhir, Agenda Mesyuarat Agung Tahunan dan Laporan Tahunan Mesyuarat akan dihantar kepada ahli-ahli melalui e-mel di *mabopaonline* dan juga di WhatsApp Broadcast MABOPA.



Ahli-ahli dialu-alukan untuk menghantar cadangan usul untuk perbincangan atau usul untuk pindaan peraturan perlembagaan.

Semua usul mestilah dibuat secara bertulis dan mesti dihantar kepada Setiausaha Kehormat **selewat-lewatnya pada 9 April 2022** melalui alamat e-mel di *mabopahq@gmail.com*.

Sukacita diingatkan bahawa penyertaan ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mematuhi peraturan perlembagaan klausa 4.3 yang menyatakan bahawa:

Any member who fails to pay his annual subscription by 1st March or the date of the Annual General Meeting, whichever is the earlier, shall not be allowed to attend General Meetings, vote, stand for election, submit nominations for Office-bearers, move motions for discussions and other privileges of membership.

Sekian.

Terima kasih.

Sheikh Faisal Sheikh Mansor
Setiausaha Kehormat
Sesi 2019/2021
24 Mac 2022



MALYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011989)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Mesyuarat Agung Tahunan ke-53

Notis Mesyuarat



Mesyuarat Agung Tahunan ke-53 akan diadakan pada hari **Sabtu, 23 April 2022**, jam **9.00 pagi** secara maya di **platform Zoom**. ([Sila RSVP di sini.](#))

Ahli akan menerima pautan Zoom setelah borang pendaftaran RSVP diisi. Maklumat ahli akan disemak terlebih dahulu untuk memastikan ahli layak untuk hadir dalam mesyuarat seperti yang terkandung di dalam perlembagaan MABOPA.

Tarikh tutup **RSVP selewat-lewatnya pada Sabtu, 23 April 2022, jam 8.00 pagi.**

Agenda Mesyuarat :

1. Ucapan dari Presiden.
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52.
3. Hal-hal Berbangkit.
4. Laporan Jawatankuasa Eksekutif 2021/2022.
5. Pengesahan Penyata Kewangan Tahunan Berakhir 31 Disember 2021.
6. Cadangan Usul.
7. Pelantikan Juruaudit Dalaman (*Internal Auditor*) Untuk Tahun 2022
8. Pelantikan Juruaudit Luar (*External Auditor*) Untuk Tahun 2022
9. Hal-hal lain

Sekian.

Sheikh Faisal Sheikh Mansor

Setiausaha Kehormat

16 April 2022

[Mukasurat ini dibiarkan kosong dengan sengaja.]

3.0
Minit Mesyuarat Agung Tahunan
Yang Ke-52

■ 3.0 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52

Tajuk : Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-52
Tarikh : 29 Mei 2021
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Platform Aplikasi Zoom
Kehadiran : Sila rujuk senarai kehadiran di **Lampiran A**.

Setiausaha Kehormat telah maklumkan kepada mesyuarat iaitu pada jam 10.00 pagi seramai 40 ahli yang sah telah mendaftar hadir mesyuarat.

1.0 Ucapan Presiden

Assalamualaikum Wrt Brt. Salam sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli yang hadir pada pagi ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Ini kali kedua kita terpaksa mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) menggunakan kaedah *virtual*. Buat pertama kali dalam sejarah, kita terpaksa membuat pemilihan AJK tahun secara *virtual*. Kaedah AGM dan Pemilihan secara *Zoom Meeting* ini dibenarkan oleh ROS. Kami juga yakin ahli-ahli kita sudah biasa dengan *Zoom Meeting*. Maka sebab itu kita gunakan aplikasi *Zoom* untuk buat pemilihan kali ini.

Saya ingin menjelaskan sedikit tentang pemilihan kali ini yang dibuat secara *Zoom Meeting*.

Kami di pihak Exco juga sudah membuat beberapa kali latihan untuk menjalankan AGM dan Pemilihan secara *virtual*. Pada sesi latihan minggu lepas, kami Exco telah memanggil auditor dalaman iaitu En Syazrul Aqram dan Puan Jennifer, calon pengerusi pemilihan iaitu Tuan Haji Ishak Hamzah, dan dua kakitangan sekretariat iaitu Pn Irdah dan Pn Izza, untuk membuat satu raptai penuh.

Kami di Exco terpaksa membuat raptai, kerana mereka yang mengendalikan pemilihan nanti perlu berlatih dulu. Prosesnya *straightforward*, tetapi ada sedikit penyesuaian yang kita akan buat kerana limitasi dalam sistem *Zoom Meeting* ini. Secara keseluruhan, kami Exco yakin yang proses pemilihan boleh dibuat dengan telus dan berintegriti. Ahli boleh mencalonkan seperti biasa untuk semua jawatan dan boleh mengundi seperti biasa.

Saya ingin, maklumkan yang kami pihak Exco berhasrat mencadangkan Haji Ishak sebagai pengerusi pemilihan nanti. Kami sudah membuat latihan selama hampir 2 jam dengan beliau minggu lepas. Tetapi, saya ingin tekankan, ahli berhak untuk mencadangkan pengerusi pemilihan lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dari segi kewangan persatuan, kita ada berita yang baik. Akaun tahun 2020 menunjukkan pemulihan kepada kewangan persatuan walaupun tidak ada PBAKL pada tahun ini. Bagi tahun kewangan 2020, MABOPA mencatatkan keuntungan sebanyak RM17 ribu selepas cukai. *Fixed deposit* kita juga kekal di bank, tanpa ada sebarang pengeluaran.

Manakala MABOPA Events pula berjaya mengurangkan kerugian pada tahun 2020 selepas membuat pelbagai pengurangan kos. Pada tahun kewangan 2020, kerugian syarikat adalah sebanyak RM16,400. Sebagai perbandingan, pada tahun 2019, kerugian syarikat ialah RM55,284. Ahli lembaga pengarah MABOPA Events menganggarkan yang syarikat ini boleh kembali positif pada tahun 2021 dengan dua *job* di bawah program KLWBC. InsyaAllah.

Perkara terakhir dalam hal kewangan ialah tentang yuran keahlian. Melihat kepada keadaan sekarang, kami menjangka yang jumlah keahlian tidak akan bertambah dengan ketara pada tahun ini dan tahun depan. Ini ditambah pula dengan tiada pendapatan *profit share* dari PBAKL. Kewangan kita sekadar cukup lepas kos sahaja.

Exco berpendapat, adalah tidak sesuai untuk menaikkan yuran tahunan pada masa yang sukar ini. Kita terus bercermat dalam berbelanja. Tetapi, perkara ini perlu dilihat lebih serius pada tahun depan. Kita tidak mahu kewangan persatuan menjadi defisit lagi pada masa hadapan. Kami serahkan kepada barisan Exco baharu untuk tentukan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Tahun ini kita sudah selesai menjalankan *KLIBF Online* bersama Shopee buat kali kedua. Kali ini ramai ahli yang sudah mahir menjual menggunakan Shopee. Malah, kita boleh katakan Shopee sudah jadi ekosistem jualan buku *online* yang sangat besar. Banyak kedai-kedai buku utama juga aktif menjual dalam Shopee sekarang.

Landskap jualan buku telah berubah dengan drastiknya oleh kerana pandemik ini. Sekarang ini pelbagai saluran *online* dan TV shopping yang digunakan oleh penerbit untuk menjual buku. Dari segi pemasaran juga, kita mula bercakap tentang booktuber, bookstagram dan booktiktok. Kita terus beradaptasi dengan perkembangan pasaran.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pada bulan April lepas, kita bekerjasama bersama Saudara Syazrul Aqram dan Saudara Amir Muhammad yang menganjurkan Kuala Lumpur Alternative Bookfest (KLAB), di Sunway Putra Mall. Seperti yang ramai kenal, Sdr Syazrul Aqram adalah juruaudit dalaman kita. KLAB ini telah dianjurkan dengan berjaya dalam skala yang kecil. Kita dapat lihat pada pembaca buku datang memeriahkan jualan dan aktiviti di KLAB.

Seterusnya, MBKM sudah mengumumkan rancangan awal untuk PBAKL 2021 secara fizikal pada 29 Oktober hingga 7 November 2021. Surat pemakluman sudah keluar kepada para pempamer. MABOPA akan maklumkan kepada ahli perkembangan PBAKL fizikal ini dari semasa ke semasa.

PBAKL fizikal, bila kembali nanti, akan membantu memulihkan kewangan persatuan kita. Kita sama-sama berdoa supaya program Imunisasi Covid Kebangsaan (PICK) berjalan lancar

■ 3.0 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52

seperti dirancang dan kita dapat kembali membuat pesta buku dengan selamat pada masa hadapan. PICK ini salah satu *exit strategy* kita daripada pandemik ini, Insya-Allah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kuala Lumpur World Book Capital 2020 sudah berakhir pada 22 April 2021. Wakil Kuala Lumpur sudah menyerahkan trofi WBC kepada wakil Tbilisi, Georgia.

Banyak program yang dirancang tidak dapat diteruskan. Ada sebahagian yang ditukar kepada program *online*. Walau bagaimanapun Jawatankuasa Aktiviti KLWBC2020 melaporkan lebih 600 aktiviti telah berjaya dijalankan sejak Januari 2019 sehingga 23 April 2021 dalam meraikan KLWBC2020 ini. Apa yang paling penting, semangat KLWBC itu kita teruskan dan tidak padam. Program seperti Anugerah Buku Malaysia dan Dialog Penerbit Dunia Kuala Lumpur anjuran MABOPA yang terbit daripada KLWBC itu kita usahakan supaya terus menerus berjalan pada tahun hadapan dan tahun-tahun seterusnya.

Bagi pihak persatuan, saya ingin merakamkan ucapan berbanyak terima kasih kepada wakil khas kita, Tn Hj Ishak Hamzah yang bertugas dalam sekretariat KLWBC. Kita juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Saudara Sheikh Faisal yang terlibat aktif di belakang tabir dalam program KLWBC.

Selain itu setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Wilayah, DBKL, PKL. Terima kasih pada Kementerian Pendidikan, DBP, MBKM, ITBM, PKB, MAPIM yang turut sama dalam menjayakan KLWBC. Terima kasih juga kepada MOTAC dan PNM. Banyak NGO yang turut sama terlibat dalam menjayakan KLWBC ini. Tidak habis kalau nak sebut semua.

Suka saya umumkan, kita sedang merancang satu program bersama Presiden IPA, untuk bantu menyumbang dana bagi membina semula perpustakaan-perpustakaan di Palestin yang telah dimusnahkan oleh Israel. Kita mahu tonjolkan peranan Kuala Lumpur sebagai World Book Capital yang bukan sahaja memberi manfaat di tanah air, tetapi kepada komuniti global juga. Butiran lanjut tentang program ini akan kita umumkan nanti.

Sejak Kuala Lumpur mula membida untuk Ibu Kota Buku Dunia UNESCO lagi, MABOPA telah memainkan peranan untuk menonjolkan diri, membawa nama Malaysia ke pentas dunia melalui *International Publishers Association* (IPA). Buat pertama kalinya, MABOPA sekarang telah dipanggil untuk menyertai jawatankuasa-jawatankuasa kecil IPA: *Copyright Committee*, *Diversity and Inclusion Committee* dan *Educational Publishers Forum*. Ini amat penting bagi kita untuk memberi dan menerima input terbaik supaya dapat kita cuba mempengaruhi '*policy makers*' yang melibatkan industri kita di tanah air ini dengan maklumat-maklumat pakar di peringkat antarabangsa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Awal tahun ini, penerbit akademik nampak bersemangat. Jualan buku teks dan buku kerja meledak dalam Shopee. Kedai buku semua berebut stok pada awal tahun. MABOPA, MBA

dan Shopee melancarkan satu inisiatif Kedai Buku Sekolah pada awal Februari 2021 untuk memudahkan ibu bapa mencari buku yang diperlukan.

Tidak lama kemudian, kita dikejutkan dengan berita pemansuhan UPSR dan penangguhan PT3 tahun ini. Ia benar-benar memberikan impak besar kepada rakan-rakan penerbit akademik. Ia mengejut, tidak ada strategi *soft landing* yang dapat dibuat dari sebelah kita.

Sebenarnya, isu pemansuhan peperiksaan ini hanya salah satu daripada pelbagai cabaran yang sedang dihadapi oleh penerbit buku akademik.

Isu pembekalan dan pembayaran Buku Cetak Semula (BCS) masih berlarutan. Isu pemindahan hak cipta buku teks masih kita perjuangkan. Kini, kita juga dimaklumkan oleh BSTP mengenai rancangan untuk menggunakan buku digital sahaja pada masa hadapan.

Kita juga melibat agenda buku teks bercetak semakin kurang dapat perhatian kepimpinan tertinggi KPM. Daripada segi organisasi, BBT duduk dalam mesyuarat pengurusan KPM. Sekarang, sektor penerbitan duduk di bawah BSTP. Sepertinya, kita bukan lagi rakan strategik kepada agenda pendidikan. Kita seolah-olah hanya dilihat sebagai kontraktor atau pembekal sahaja.

Bagi merespon segera kepada cabaran buku teks digital ini, kita merancang untuk mengadakan satu seminar antarabangsa berkaitan subjek buku teks digital untuk ahli dan juga pembuat dasar di KPM. Dari seminar ini, MABOPA akan membuat saranan dan rekomendasi jalan ke hadapan kepada KPM.

Jawatankuasa Buku Teks MABOPA akan jadi salah satu jawatankuasa (JK) yang paling penting dalam kita bergerak ke hadapan. JK ini perlu mendepani cabaran pendigitalan, dan cabaran dari pemain *edu-tech*.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Copyright protection.

Jawatankuasa Kecil Penyelidikan dan Hakcipta telah ditubuhkan oleh MBKM, dan telah membuat mesyuarat pertama pada bulan lepas. Terma rujukan JK ini juga telah dibentangkan. Isu plagiat, perlindungan hak cipta, dan *piracy* dalam *e-commerce* sudah dimasukkan dalam agenda kajian JK ini.

Dari segi cetak rompak dalam platform *e-commerce*, kita dapati ada penurunan setelah kita menghebahkan isu ini dalam akhbar, dan melaporkan kepada pihak penguatkuasa KPDNHEP. Kita perlu sentiasa berjaga-jaga dan mengawasi platform *e-commerce* ini.

Dalam masa yang sama, kita sedar bahawa ada ahli yang masih menghadapi masalah sebagai pelesen. Undang-undang tidak memberikan hak kepada pelesen untuk mengambil tindakan. Perkara ini sudah kita suarakan kepada MyIPO dalam sesi dialog, supaya dimasukkan dalam Akta pada masa hadapan.

■ 3.0 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52

Kita juga mencadangkan supaya satu mekanisme yang lebih mudah disediakan buat individu dan SME untuk mempertahankan harta intelek mereka tanpa melibatkan kos yang besar. Kita tidak mahu hanya syarikat besar sahaja yang mampu melindungi *IP* mereka.

Beberapa hari lepas, Exco dimaklumkan yang penubuhan MARC sudah diluluskan oleh SSM. Penubuhan MARC telah disokong oleh MABOPA dan beberapa lagi persatuan pengarang, pekomik, pelukis dan MAPIM. MARC akan meluaskan lagi portfolionya ke hadapan. Suka saya maklumkan, projek penubuhan MARC ini diketuai oleh Saudara Hussein dan beliau lah yang bekerja untuk memastikan projek ini menjadi kenyataan. Projek MARC ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyumbang awal: Karangkrif, Pelangi, Mr Law King Hui, dan PTS. Kami menjangkakan MARC akan beroperasi sepenuhnya pada hujung tahun ini. Insya-Allah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Agenda: Marketing

Dialog Penerbit Dunia Kuala Lumpur telah selesai diadakan pada bulan April lepas, sebagai program *pra-KLIBF Online*. Kita telah bentangkan banyak idea pemasaran baharu dalam dialog kali ini. Terima kasih kepada penaja utama, DBKL. Terima kasih kepada MBKM, PBAKL, para penceramah dan Aqib Media. Moga-moga kita dapat teruskan Dialog ini pada tahun depan dan bentangkan *trend-trend* baharu dalam pemasaran dan jualan buku. Industri buku terus berinovasi dan adaptasi dengan pasaran.

Anugerah Buku Malaysia anjuran MABOPA juga telah selesai kita adakan pada bulan lepas. Projek ini dipimpin oleh Tuan Hj Mazlan. Anugerah Buku kali ini digital sepenuhnya. Industri kita ini *embrace technology* sepenuhnya. Hasrat kita supaya buku-buku yang menang, yang masuk *shortlist* ini akan dapat sambutan yang lebih baik dalam pasaran. Anugerah ini asasnya ialah satu lagi *marketing tool* untuk industri buku. Kita belum habis promosikan buku yang menang. Masih ada beberapa perkara lagi yang perlu dibereskan dari Anugerah Buku tahun ini. Kita merakamkan terima kasih kepada penaja DBKL. Terima kasih kepada Hj Mazlan dan pasukan beliau, para penilai dan *technology partner* kita, e-Sental. platform jualan *e-book* paling besar di Malaysia.

Suka saya kongsi yang kita akan update laman web kita tidak lama lagi. Projek laman web MABOPA 2.0 ini dibuat oleh exco baru kita, Sdr Shu Qi. *Website* lama kita telah beroperasi lebih dari 10 tahun, dan sudah sampai masa kita buat *total makeover* kepada laman web kita ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Terima kasih kepada pasukan exco sesi 2019/2021. Anda sudah buat yang terbaik untuk menjaga persatuan ini. Sekarang kita serahkan semula amanah ini kepada ahli untuk memilih pasukan exco yang baharu.

Terima kasih kepada setiausaha kerja kita Pn Irdah yang tinggal seorang di pejabat MABOPA.

Kami mohon ampun dan maaf dari semua ahli atas sebarang kekurangan semasa kami menjaga persatuan ini.

Arief Hakim Sani Rahmat

Presiden 2019-2021

29 Mei 2021

2.0 Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-49

Minit mesyuarat telah disahkan dan dicadangkan oleh Awtar Singh dari Ladybug Publishing And Distribution dan disokong oleh Raymond Yeo Chin Hean dari Kualiti Books Sdn. Bhd.

3.0 Laporan Eksekutif 2020-2021

Setiausaha Kehormat melaporkan Laporan Eksekutif 2020-2021 kepada mesyuarat.

4.0 Kewangan

Bendahari Kehormat melaporkan status kewangan MABOPA kepada mesyuarat.

Kewangan MABOPA bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diterima dan dicadangkan oleh Awtar Singh dari Ladybug Publishing And Distribution dan disokong oleh M.T. Balan dari IBS Buku Sdn Bhd.

5.0 Cadangan Usul

5.1 Usul Pertama

Mencadang dan meluluskan penubuhan satu tabung khas dan/atau akaun khas di bawah seliaan MABOPA yang dinamakan sebagai 'Tabung Buku MABOPA', dengan fasal-fasal berikut ;

Objektif 'Tabung Buku MABOPA' ini ialah untuk mengumpul dana untuk membiayai aktiviti berkaitan program MABOPA yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat, industri buku dan ahli MABOPA.

Tabung khas dan/atau akaun khas ini akan berusaha untuk mendapatkan status pelepasan cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri atau seumpamanya, dan mematuhi syarat, peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan status ini.

Kepentingan MABOPA dalam tabung khas dan/atau akaun khas ini akan diwakili oleh penama, yang dilantik dari kalangan ahli Jawatankuasa Eksekutif MABOPA, oleh

■ 3.0 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52

Jawatankuasa Eksekutif MABOPA, untuk memenuhi mematuhi syarat, peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

Tabung khas dan/atau akaun khas ini akan mempunyai tatacara kewangan yang mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri atau seumpamanya, dan undang-undang yang berkaitan, dan berbeza dari tatacara kewangan semasa MABOPA seperti yang ditetapkan dalam perlembagaannya.

Tabung khas dan/atau akaun khas ini, diasingkan sama sekali, tidak terkait dan tidak memberi kesan kepada kewangan MABOPA dalam sebarang bentuk atau cara.

Berikutan permintaan LHDN supaya Tabung Buku MABOPA yang ingin ditubuhkan ini boleh dipertimbangkan untuk kelulusan, saya ingin mengusulkan supaya Klausula 4 Perlembagaan MABOPA dimasukkan klausula di bawah ini, yang menyatakan:

“The Association is allowed to create a fund for charitable purposes to be named Tabung Buku MABOPA. The Board of Trustees of this fund must consist of at least 6 appointees, 50% of which must be third-party individuals deemed fit to be appointed by the Executive Committee, and the other 50% must be the President, Deputy President and Treasurer and other members to be appointed by the Executive Committee.”

Usul telah dicadangkan oleh Sheikh Faisal Sheikh Mansor, Shake Book Projects Sdn Bhd dan disokong oleh Arief Hakim dari PTS Media Group Sdn Bhd.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan usul ini.

5.2 Usul Kedua

Saya ingin mencadangkan penambahan supaya klausula 4.3 Perlembagaan MABOPA yang menyatakan berikut:

“The Association to receive any forms of donation or contribution, cash or in kind. Donations or contributions in cash must be clearly and accurately declared in the Association's annual financial statement.”

Usul telah dicadangkan oleh Sheikh Faisal Sheikh Mansor, Shake Book Projects Sdn Bhd dan disokong oleh Awtar Singh dari Ladybug Publishing And Distribution.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan usul ini.

6.0 Pemilihan Jawatankuasa Eksekutif 2021/2023

6.1 Pembubaran Exco MABOPA 2019-2021

Presiden Sesi 2019-2021, Arief Hakim dengan rasminya membubarkan EXCO MABOPA 2019-2021 serta mengucapkan ribuan terima kasih kepada kepada semua yang terlibat.

6.2 Pengerusi Pemilihan

Arief Hakim mencadangkan melantik Ishak Hamzah sebagai pengerusi pemilihan dan disokong Mohamed Nasser Mohamed. Mesyuarat sebulat suara bersetuju.

6.3 Pelantikan Pembantu Pemilihan Jawatankuasa Eksekutif

Mesyuarat telah melantik Irdahwati Md Jani dan Nur Husnul Izza Musa sebagai pembantu pengundian.

6.4 Jumlah Pengundi Sah

Mesyuarat dimaklumkan oleh Pengerusi Pemilihan bahawa ada 43 ahli sah untuk mengundi.

6.5 Presiden

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi	Nota
Arief Hakim Sani Rahmat	Chok Siew Sin	Mohamed Nasser Mohamed	-	
<i>Cadangan ditutup</i>	Raymond Yeo Chin Hean	Ahmad Hussein		

Keputusan: Arief Hakim Sani Rahmat menang tanpa bertanding.

6.6 Timbalan Presiden

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi	Nota
Che Mazlan Saad	Ahmad Hussein Thajudeen	S. Sivabalan	-	
Sheikh Faisal Sheikh Mansor				Tolak
Mohamed Nasser Mohamed				Tolak
Awtar Singh				Tolak
<i>Cadangan ditutup</i>	Mohamed Nasser Mohamed	Raymond Yeo Chin Hean		

Keputusan: Che Mazlan Saad menang tanpa bertanding.

■ 3.0 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52

6.7 Naib Presiden

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi	Nota
S. Sivabalan	V. Kaladevi	Chok Siew Sin	-	
Raymond Yeo Chin Hean	Arief Hakim Sani Rahmat	Mohamed Nasser Mohamed	-	
Fatin Syamimy Liana Badaruddin				Tolak
Syazrul Aqram Iman				Tolak
<i>Cadangan ditutup</i>	Chok Siew Sin	Law King Hui		

Keputusan: S. Sivabalan dan Raymond Yeo Chin Hean menang tanpa bertanding.

6.8 Setiausaha Kehormat

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi	Nota
Sheikh Faisal Sheikh Mansor	Mohamed Nasser Mohamed	Law King Hui	-	
<i>Cadangan ditutup</i>	Raymond Yeo Chin Hean	Chok Siew Sin		

Keputusan: Sheikh Faisal Sheikh Mansor menang tanpa bertanding.

6.9 Bendahari Kehormat

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi	Nota
Sum Lih Kang	Chok Siew Sin	Law King Hui	-	
<i>Cadangan ditutup</i>	Sheikh Faisal Sheikh Mansor	Norfilzah Wahidon		

Keputusan: Sum Lih Kang menang tanpa bertanding.

6.10 Ahli Eksekutif

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi	Nota
Mohamed Nasser Mohamed	Awtar Singh Balwant Singh	Che Mazlan Saad	24	
Chok Siew Sin	Raymond Yeo	Awtar Singh Balwant Singh	35	
Awtar Singh Balwant Singh	Mohamed Nasser Mohamed	Raymond Yeo	-	Tarik diri
Fatin Syamimy Liana Badarudin	Arief Hakim	Sheikh Faisal Sheikh Mansor	37	
Ahmad Hussain Thajudeen	Arief Hakim	S. Sivabalan	33	
Azizi Fickry	S. Sivabalan	Raymond Yeo	33	
Khor Shuqi	Arief Hakim	Raymond Yeo	30	
Syazrul Aqram Iman Sulaiman	Arief Hakim	Sheikh Faisal Sheikh Mansor	25	
Prof. Dr. Ram Al Jaffri bin Saad	Arief Hakim	Raymond Yeo	-	Tiada respon ketika dicalonkan
Linda Tan	Ahmad Hussain Thajudeen	Raymond Yeo	29	
Lee Nai Khang	Sum Lih Kang	Ahmad Hussain Thajudeen		Tarik diri
Rachel Poon	Raymond Yeo	Arief Hakim	12	
<i>Cadangan ditutup</i>	Raymond Yeo	Azizi Fickry		

Keputusan:

Ahli Eksekutif:

1. Fatin Syamimy Liana Badaruddin
2. Chok Siew Sin
3. Ahmad Hussain Thajudeen
4. Azizi Fickry
5. Khor Shuqi
6. Syazrul Aqram Iman Sulaiman
7. Linda Tan

■ 3.0 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52

7.0 Pelantikan Juruaudit Dalaman (Internal Auditor) Untuk Tahun 2021

Mesyuarat sebulat suara melantik Mohamed Nasser Mohamed dan Rachel Poon sebagai juruaudit dalaman untuk tahun 2021.

8.0 Pelantikan Juruaudit Luar (External Auditor) Untuk Tahun 2021

Mesyuarat sebulat suara melantik F.W. Wang sebagai juruaudit dalaman untuk tahun 2021.

9.0 Hal-hal lain

9.1 Awtar Singh Balwant Singh

Mesyuarat dimaklumkan berkenaan isu hak cipta *parallel import* dan harga kertas yang semakin meningkat.

9.2. Law King Hui

Mesyuarat berharap agar ikatan silaturahim antara MABOPA dan agensi kerajaan dieratkan lagi.

10.0 Penutup

Mesyuarat ditutup pada jam 1.15 petang.

Disediakan oleh:



Sheikh Faisal Sheikh Mansor
Setiausaha Kehormat

Disahkan oleh:



Arief Hakim Sani Rahmat
Presiden

Lampiran A:**Senarai Kehadiran pada 29 Mei 2021, di Platform Zoom.**

Bil	No. Ahli	Member's Name	Nama Wakil	Satus wakil
1	200615	Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd	Hj Che Mazlan Hj Saad	Rasmi
2	200703	Aras Mega (M) Sdn Bhd	Sheikh Sirhan Bakatal bin Ahmad Bakatal	Rasmi
3	200404	Beh-Er Publication Sdn Bhd	Jennifer Ng	Rasmi
4	201611	Bestari Karang kraf Sdn Bhd	Izzat Izhar bin Muhammad Nasir	Rasmi
5	200708	E Media Multimedia Group Sdn Bhd	Ishak Hamzah	Rasmi
6	200205	Fargoes Books Sdn Bhd	MH Ershad Ahmad Hj. Mohd Haneefa	Rasmi
7	200307	Gemilang Publishing Sdn Bhd	Koh Yok Hwa	Rasmi
8	201106	Grup Buku Karang kraf Sdn Bhd	Azizi Bin Fikry	Rasmi
9	198807	Hup Lick Publishing (M) Sdn Bhd	Lee Nai Khang	Rasmi
10	198209	IBS Buku Sdn Bhd	M.T Balan	Rasmi
11	201512	Iman Publications	Fatin Syamimy Liana Badaruddin	Rasmi
12	202002	Integra Creative Media Sdn Bhd	Linda Tan	Rasmi
13	201606	Kadokawa Gempak Starz Sdn Bhd	Amirul Aiman bin Mohd Zaki	Proksi
14	201101	Kelas Buku Sdn Bhd	Zainora Muhamad	Rasmi
15	200207	Kualiti Books Sdn Bhd	Raymond Yeo Chin Hean	Rasmi
16	201517	Ladybug Publishing And Distribution	Awtar Singh Balwant Singh	Rasmi
17	198405	Malaysian Book Centre	V. Kaladevi	Rasmi
18	200411	Maya Press Sdn Bhd	Law King Hui	Rasmi
19	199703	MDC Publishers Sdn Bhd	Ahmad Hussein Thajudeen	Rasmi
20	202009	Nuha Creative Resources	Mohamed Nasser Mohamed	Rasmi
21	200302	Odonata Publishing Sdn Bhd	Khor Shuqi	Rasmi
22	201008	Orbit Buku Sdn Bhd	Law King Hui	Rasmi
23	201901	Patriot Publishing Sdn Bhd	Syazrul Aqram Iman	Rasmi
24	200718	Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd	Mohammad Haikal bin Abdul Halim Pekan	Proksi
25	202010	Penerbit UiTM	Norfilzah binti Wahidon	Proksi
26	200401	Penerbitan Bangi Sdn Bhd	Poh Swee Hiang	Proksi
27	198908	Penerbitan Fargoes Sdn Bhd	MH Ershad Ahmad Hj. Mohd Haneefa	Rasmi
28	198706	Penerbitan Jaya Bakti Sdn Bhd	Bargave A/P Silvaraju	Proksi

■ 3.0 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52

29	201801	Penerbitan Kata Pilar (M) Sdn Bhd	Rasydan Fitri	Proksi
30	198201	Penerbitan Pelangi Sdn Bhd	Sum Lih Kang	Rasmi
31	201516	PTS Media Group Sdn Bhd	Arief Hakim Sani bin Rahmat	Rasmi
32	201506	Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd	Mohd Firdaus Ahmad	Rasmi
33	202008	Rimbunan Publishing House Sdn Bhd	Irnie Suhaida Musa@Mustafa	Rasmi
34	198606	Sasbadi Sdn Bhd	Chok Siew Sin	Rasmi
35	201715	Shake Book Projects Sdn Bhd	Sheikh Faisal Sheikh Mansor	Rasmi
36	202001	Sunway University Sdn Bhd	Chong Wah Tien	Proksi
37	197203	The Malaya Press Sdn Bhd	Lew Yok Long	Rasmi
38	200003	Tunas Pelangi Sdn Bhd	Chiam Choon Seang	Rasmi
39	200609	UMA Publications	S.Sivabalan	Rasmi
40	199008	United Publishing House (M) Sdn Bhd	Chai Jing Feng	Rasmi
41	201904	UUM Press	Prof. Dr. Ram Al Jaffri bin Saad	Rasmi
42	202004	Whitecoat Group Sdn Bhd	Ahmad Nabieh Abqory Rahmat	Rasmi
43	200403	YM Haruman Jiwa Sdn Bhd	Liu Hann Wen	Rasmi

4.0

**Laporan Jawatankuasa Eksekutif
MABOPA 2021/2022**

Portfolio EXCO

Berikut adalah senarai Portfolio Sesi 2021/2023

No.	Portfolio (Biro)	Nama AJK
1.	Hubungan Kerajaan dan Agensi <i>(Government and Agency Relations)</i>	Arief Hakim Sani Rahmat Che Mazlan Saad Sheikh Faisal Sheikh Mansor
2.	Penerbitan Akademik dan Buku Teks <i>(Academic and Textbook Publishing)</i>	S. Sivabalan Chok Siew Sin Sum Lih Kang Azizi Fickry
3.	PBAKL dan Pesta-Pesta Buku Lain <i>(KLIBF and other Book Fairs)</i>	Arief Hakim Sani Rahmat Sheikh Faisal Sheikh Mansor Fatin Syamimy Liana Badaruddin Chok Siew Sin
4.	Harta Intelek, Hak Cipta, Pelesenan & Kebebasan untuk Terbit <i>(Intellectual Property, Copyright, Licensing & Freedom to Publish)</i>	Ahmad Hussein Thajudeen Arief Hakim Sani Rahmat Linda Tan Lingard
5.	Hubungan Antarabangsa <i>(International Relations)</i>	Arief Hakim Sani Rahmat Raymond Yeo Sheikh Faisal Sheikh Mansor
6.	Anugerah Buku Malaysia & Promosi Buku dan Pembacaan <i>(Malaysian Book Awards & Book and Reading Promotions)</i>	Che Mazlan Saad Sheikh Faisal Sheikh Mansor Azizi Fickry Khor Shuqi Linda Tan Lingard

No.	Portfolio (Biro)	Nama AJK
7.	Kewangan & Pengurusan Pejabat <i>(Finance & Office Administration)</i>	Sum Lih Kang
8.	Keahlian & Sempadan Perniagaan Baharu <i>(Membership & New Business Frontiers)</i>	Syazrul Aqram Iman Khor Shuqi Raymond Yeo
9.	Data dan Penyelidikan Industri <i>(Industry Data and Research)</i>	Fatin Syamimi Liana Badaruddin Syazrul Aqram Iman Linda Tan Lingard
10.	Tanggungjawab Sosial Korporat & Tabung Buku MABOPA <i>(Corporate Social Responsibility & MABOPA Book Fund)</i>	Raymond Yeo Sheikh Faisal Sheikh Mansor
11	Laman Web & Media Sosial <i>(Web & Social Media)</i>	Che Mazlan Saad Sheikh Faisal Sheikh Mansor Azizi Fickry Khor Shuqi Linda Tan Lingard

■ 4.0 Laporan Jawatankuasa Eksekutif MABOPA 2021/2022

Senarai Kehadiran Mesyuarat Exco Sesi 2021/2022

Nama \ Tarikh	23 /6/2021 (1)	28/7/2021 (2)	25/8/2021 (3)	22/9/2021 (4)	20/10/2021 (5)	24/11/2021 (6)	16/12/2021 (7)	12/1/2022 (8)	23/2/2022 (9)	16/3/2022 (10)	Total
Arief Hakim Sani Rahmat	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	10/10
Che Mazlan Saad	/	/	0	/	/	/	/	/	/	/	9/10
Raymond Yeo Chin Hean	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	10/10
S. Sivabalan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	10/10
Sheikh Faisal Sheikh Mansor	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	10/10
Sum Lih Kang	/	/	/	/	0	/	0	/	/	/	8/10
Ahmed Hussain Thajudeen	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	10/10
Fatin Syamimi Liana Badaruddin	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	10/10
Chok Siew Sin	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	10/10
Azizi Fickry	/	/	/	/	0	/	/	/	/	/	9/10
Khor Shuqi	/	/	/	0	/	/	/	/	0	/	8/10
Linda Tan Lingard	/	/	/	/	0	/	/	/	/	/	9/10
Syazrul Aqram Iman	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	10/10
Total	13	13	12	12	10	13	12	13	12	13	

Laporan Jawatankuasa Eksekutif 2021/2022

1 Mei 2021 - 1 April 2022

Bahagian A : Persatuan


1. Pejabat MABOPA

Pejabat MABOPA telah membuat penyelenggaraan dan menukar daripada lantai berkarpet kepada lantai SPC.




2. Laman Web MABOPA Baharu

Laman web MABOPA yang baharu di alamat <https://www.mabopa.com.my/> telah dikemaskini dan dinaik taraf. Laman web ini membenarkan ahli-ahli mengemaskini maklumat syarikat masing-masing melalui member portal di <https://member.mabopa.com.my>.



■ 4.0 Laporan Jawatankuasa Eksekutif MABOPA 2021/2022

MABOPA Book Fair secara ‘virtual’ telah dibina melalui alamat <https://bookfair.mabopa.com.my/>. Laman web ini masih dalam pembinaan dan penambahbaikan.



3. Mesyuarat Agung Tahunan MABOPA

3.1. Mesyuarat Agung Tahunan ke-52

Laporan tahunan MABOPA telah dihantar ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) setiap tahun melalui platform eRoses. Kali ini ada kesilapan teknikal di pihak pejabat MABOPA dan usul perlembagaan tidak dapat dihantar untuk kelulusan JPPM. JPPM meminta MABOPA untuk membentangkan semula usul dalam Mesyuarat Agung akan datang.

3.2. Mesyuarat Agung Tahunan ke-53

Mesyuarat Agung Tahunan ke-53 terpaksa ditunda daripada bulan Mac ke bulan April kerana laporan audit tidak sempat disediakan.

4. Tabung Buku MABOPA

Usul untuk penubuhan tabung dan penambahan maklumat dalam perlembagaan telah diterima dalam Mesyuarat Agung Tahunan MABOPA ke-52. Namun begitu oleh kerana kesilapan teknikal ketika mengisi laporan tahunan dan usul di eRoses, usul tidak dapat dihantar ke ROS untuk pengesahan dan kelulusan. Usul hendaklah dibawa semula dalam mesyuarat agung yang akan datang.

Oleh itu proses penubuhan Tabung Buku MABOPA terpaksa ditunda sehingga usul dan penambahan maklumat di dalam perlembagaan selesai.

5. Anugerah Buku Malaysia (ABM)

5.1. Anugerah Buku Malaysia 2020

Piala pusingan dan plak tidak dapat dibuat dalam masa yang ditetapkan kerana pembekal tersebut telah tutup kedai disebabkan pandemik Covid-19. Beberapa pembekal tempatan dan luar negara telah dikenalpasti tetapi harga yang diberi adalah dalam 5-10 kali ganda daripada bajet yang diperuntukkan. MABOPA Events Sdn Bhd akhirnya telah berusaha untuk mencari pembekal baharu dengan kos yang berpatutan, walaupun melebihi bajet yang diperuntukkan. Piala pusingan dan plak sudah ditempah dari pembekal dari China dan tempatan.

Laman web ABM juga telah dikemaskini.

5.2. Anugerah Buku Malaysia ke-2

ABM ke-2 telah bermula pada bulan Februari 2022. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut:

Tarikh Buka Pencalonan	7 Februari 2022
Tarikh Tutup Pencalonan	22 Mac 2022
Tarikh Akhir Penyerahan Buku Fizikal	31 Mac 2022
Proses Senarai Pendek	4 – 20 April 2022
Proses Penilaian Akhir	25 April – 29 Mei 2022
Majlis Anugerah Buku Malaysia 2021	4 Jun 2022

Atas sebab-sebab yang tak dapat dielakkan, ada perubahan kepada tarikh-tarikh mulai proses senarai pendek dan seterusnya.

KATEGORI-KATEGORI ANUGERAH

1. Anugerah Buku Sastera (Bahasa Melayu)

Anugerah bagi buku-buku yang termasuk dalam genre sastera seperti novel, koleksi cerita-cerita pendek dan puisi.

2. Anugerah Buku Bukan Fiksyen (Bahasa Melayu)

Anugerah bagi buku-buku yang termasuk dalam genre bukan fiksyen seperti isu semasa, motivasi, agama, sejarah, politik, sains, sukan, travelog, biografi, autobiografi dan kesenian.

3. Anugerah Buku Kanak-Kanak: Usia Awal 2 – 8 tahun (Bahasa Melayu)

Anugerah bagi buku-buku yang termasuk dalam genre kanak-kanak seperti buku bergambar atau buku bukan bergambar yang sesuai untuk pembaca di peringkat umur 2 hingga 8 tahun. Isi kandungan buku perlu menggalakkan minat membaca di kalangan kanak-kanak.

4. Anugerah Buku Remaja: 8 – 18 Tahun (Bahasa Melayu)

Anugerah bagi buku-buku yang termasuk dalam genre remaja seperti novel, buku bukan fiksyen, himpunan cerita-cerita pendek dan puisi yang sesuai dengan usia remaja.

5. Anugerah Buku *Fiction and Non-Fiction* (Bahasa Inggeris)

Anugerah bagi buku-buku yang termasuk dalam genre fiksyen dan bukan fiksyen seperti isu semasa, motivasi, agama, sejarah, politik, sains, sukan, travelog, biografi, autobiografi dan kesenian dalam Bahasa Inggeris.

6. Anugerah Buku Kanak-Kanak dan Remaja (Bahasa Inggeris)

Anugerah bagi buku-buku yang termasuk dalam genre kanak-kanak seperti buku bergambar atau buku bukan bergambar yang sesuai untuk pembaca di peringkat umur 2 hingga 8 tahun dan genre remaja seperti novel, buku bukan fiksyen, himpunan cerita-cerita pendek dan puisi yang sesuai dengan usia remaja dalam Bahasa Inggeris.

7. Anugerah Buku Pendidikan Sekolah: Rendah & Menengah (Terbuka)

Anugerah bagi buku-buku yang termasuk dalam genre pendidikan sekolah seperti buku teks, buku aktiviti, buku latih tubi, buku penilaian dan buku rujukan untuk peringkat sekolah rendah dan menengah. Terbuka kepada Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.

8. Anugerah Buku Pendidikan Pengajian Tinggi (Terbuka)

Anugerah bagi buku-buku yang termasuk dalam genre pendidikan pengajian tinggi seperti buku teks, buku rujukan, jurnal-jurnal pendidikan. Terbuka kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

9. Anugerah Kulit Buku Terbaik (Terbuka)

Anugerah bagi kulit buku yang menekankan aspek kesan visual, kreativiti dan reka bentuk yang unik. Penerbit perlu memuat naik penerangan bertulis tidak lebih daripada 120 patah perkataan tentang idea di sebalik reka bentuk kulit buku tersebut. Terbuka kepada Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.

10. Anugerah Visual Buku Terbaik (Terbuka)

Anugerah untuk penerbitan yang berunsur visual seperti fotografi, ilustrasi ataupun grafik yang dominan untuk keseluruhan penerbitan. Biasanya penerbitan buku mewah menepati kriteria ini. Terbuka kepada Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.

11. Anugerah Buku Terjemahan (Bahasa Melayu)

Anugerah bagi buku-buku terjemahan daripada pelbagai bahasa kepada Bahasa Melayu dalam pelbagai genre yang sesuai.

12. Anugerah Buku Popular (Terbuka)

Anugerah bagi semua buku yang tercalon dalam semua kategori dan undian boleh dibuat oleh pengguna yang berdaftar di portal e-Sentral.

13. Anugerah Buku Bahasa Cina

Anugerah bagi buku-buku bahasa Cina dalam pelbagai genre.

14. Anugerah Buku Bahasa Tamil

Anugerah bagi buku-buku bahasa Tamil dalam pelbagai genre.

6. Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC2020)

Program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 telah berakhir pada 23 April 2021.

Laporan aktiviti-aktiviti KLWBC2020 hendaklah dihantar pada 31 Julai 2021. Namun begitu atas faktor perintah kawalan pergerakan yang berkuatkuasa sepanjang tahun 2020 hingga 2021, banyak perkara tertangguh. MABOPA telah memohon lanjutan tempoh kerja hingga 31 Ogos 2021. MABOPA Events Sdn Bhd dikenakan penalti sebanyak RM8600 kerana kelewatan menghantaran dan menyiapkan laporan akhir yang tidak dapat dielakkan.

Sebanyak 20 buah buku laporan dicetak, 10 Bahasa Melayu dan 10 Bahasa Inggeris seperti dalam kontrak termasuk caj terjemahan, rekabentuk dan konsultasi. Tuntutan kerja percetakan laporan adalah sebanyak RM11,000 melalui MABOPA dan invoice kepada MABOPA Events Sdn Bhd. MABOPA akan mencetak 500 buah buku dengan kos RM12.00 sebuah sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada DBKL.

MABOPA Events Sdn Bhd juga akan menerbit dan mencetak buku Coffee Table Aktiviti KLWBC2020 untuk kenang-kenangan. Buku ini dijangka akan diterbitkan pada bulan Jun akan datang.

MABOPA Events Sdn Bhd juga akan menerajui usaha untuk meneruskan kesinambungan KLWBC bersama DBKL.

7. Malaysian Reprographic Rights Centre (MARC) Berhad

Malaysian Reprographic Rights Centre (MARC) Berhad telah mendapat sijil perbadanan syarikat awam melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 25 Mei 2021.

Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) juga telah memberi sijil pengisytiharaan badan pelesenan kepada MARC pada 19 Ogos 2021. MARC telah diberi hak untuk membuat kutipan dan pengagihan hasil royalti bagi kategori Sastera, Penulisan Lain, Ilustrasi dan Terbitan.

Kami menyeru semua ahli MABOPA untuk menyertai dan menjadi ahli MARC. Dengan menjadi ahli, penerbit akan mendapat manfaat dan mendapat bayaran royalti daripada MARC untuk sebarang pelanggaran atau penggunaan tanpa kebenaran yang berlaku di peringkat *Secondary Market*.

8. Penerbitan Akademik dan Buku Teks

8.1. Menurunkan harga caj penilaian bahan bacaan tambahan

MABOPA telah memohon sekali lagi tahun ini untuk menurunkan harga caj penilaian bahan bacaan tambahan. MABOPA berharap dengan penurunan caj penilaian ini akan membolehkan lebih banyak buku berkualiti dihantar untuk penilaian.

8.2. Buku Cetak Semula (BCS)

MABOPA telah memohon rumusan pesanan buku cetak semula supaya penerbit dapat gambaran jumlah buku yang diperlukan. Ini bagi memudahkan penerbit membuat persediaan dan memastikan kelancaran proses pengedaran dan pengagihan.

Pada menjalankan kuasa yang telah diberikan kepada saya di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Badan Pelesenan) 2012, dengan ini **MARC Berhad** mempunyai hak-hak [merujuk kepada **LAMPIRAN**] untuk mentadbir urus bagi pihak ahli-ahlinya yang merangkumi **Pencipta dan Pemunya** dalam kategori **Sastera, Penulisan Lain, Ilustrasi dan Terbitan**.

.....
**ZULKARNAIN BIN MUHAMMAD
TIMBALAN PENGAWAL HAK CIPTA
MALAYSIA**



LAMPIRAN**HAK-HAK UNTUK DITADBIR URUS OLEH MARC BERHAD****AKTIVITI KUTIPAN:**

Kutipan royalti bagi kategori **Sastera, Penulisan Lain, Ilustrasi dan Terbitan** sepertimana yang diperuntukkan di dalam Akta dan berdasarkan kepada Seksyen 27AA, Akta Hak Cipta 1987; dan

AKTIVITI PENGAGIHAN:

Membuat agihan hasil pendapatan royalti kepada ahli di bawah MARC Berhad berdasarkan tadbir urus badan pelesenan yang telus dan akauntabiliti.



Tandatangan Timbalan Pengawal Hak Cipta
Zulkarnain bin Muhammad

No. Perisytiharan: LB20210001



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan Kami : mabopa/bstp/2022(1)
Tarikh : 12 Januari 2022



YBrs. Puan Maznah Binti Abu Bakar

Pengarah

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia

Persiaran Bukit Kiara

Bukit Damansara

50604 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Assalamualaikum Wrt Brt.

Puan,

KADAR CAJ PENILAIAN DI DALAM KENYATAAN PELAWAAN PENILAIAN JUDUL BAHAN BACAAN TAMBAHAN KEGUNAAN TAHUN 2022

Dengan hormatnya kenyataan pelawaan penilaian judul bahan bacaan tambahan kegunaan tahun 2022 bertarikh 30 November 2021 adalah dirujuk.

2. Terlebih dahulu, kami Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas maklumat tersebut. Namun begitu kami memohon agar pihak Puan dapat mempertimbangkan, supaya kadar caj penilaian Buku Bacaan Tambahan Tahun 2022 dapat dikurangkan.

3. Seperti mana yang dilaporkan dalam banyak media, penerbit buku terjejas teruk dalam keadaan ekonomi sekarang. Dalam menghadapi kegawatan ini, banyak kos perniagaan perlu dijimatkan. Kami berharap dapat menghantar lebih banyak tajuk untuk penilaian, tetapi caj yang dikenakan pada masa ini dilihat sebagai tinggi. Tambahan pula, tidak ada jaminan bahawa buku ini akan dibeli. Faktor kewangan akan menjadi halangan dalam hal ini.

4. Maka besar harapan kami, supaya permohonan untuk mengurangkan caj penilaian ini dapat dipertimbangkan oleh pihak Puan. Semoga dengan penurunan caj penilaian, akan membolehkan lebih banyak buku yang berkualiti dihantar untuk penilaian pada tahun ini.

Pertimbangan dan keprihatinan Puan dalam hal ini, kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT.

Presiden Sesi 2021/2023.

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Tarikh : 21 Julai 2021
Rujukan Kami : mabopa/bstp/2021(6)

Kepada :

Puan Maznah Binti Abu Bakar

Pengarah

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Persiaran Bukit Kiara

Bukit Damansara

50604 WP Kuala Lumpur



Assalamualaikum Wrt Brt,

YBrs. Puan Maznah binti Abu Bakar,

PERMOHONAN RUMUSAN PESANAN MENGIKUT TAJUK BAGI PEMBEKALAN BUKU TEKS CETAK SEMULA (BCS) TAHUN 2021 BAGI KEGUNAAN TAHUN 2022

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia atas pesanan baru bagi bekal Buku Teks Cetakan Semula (BCS) pembekalan tahun 2021 (kegunaan tahun 2022) ke sekolah-sekolah. Suntikan dana ini akan sedikit sebanyak membantu industri buku yang pada masa ini dalam keadaan tenat kerana tidak dapat menjalankan aktiviti menjana pendapatan dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1.

3. Pihak MABOPA maklum bahawa pesanan kali ini dilaksanakan di peringkat JPN dan PPD. Untuk membolehkan pembekalan yang lancar, pihak kami ingin memohon jasa baik Puan untuk memberi satu rumusan pesanan ini kepada para penerbit, agar penerbit yang terlibat dapat tahu jumlah keseluruhan yang diperlukan oleh pihak KPM bagi setiap tajuk. Jumlah besar ini akan membantu pihak penerbit untuk mengambil tindakan yang sepatutnya untuk memastikan stok buku mencukupi bagi bekalan kepada semua negeri dan PPD.


4. MABOPA dengan rendah diri juga meminta bantuan pihak Puan untuk memastikan bahawa jumlah yang dinyatakan oleh setiap pihak JPN dan PPD adalah jumlah sebenar pesanan, dan bilangan ini tidak dikurangkan pada masa pesanan sebenar nanti. Ini adalah kerana serba sedikit baki duit yang masih ada di tangan pihak penerbit mungkin perlu dilabur untuk mencetak tajuk-tajuk terlibat. Sebarang kekurangan dalam jumlah naskah pesanan daripada bilangan

yang dimaklumkan kepada penerbit akan mengakibatkan pelaburan penerbit tersangkut sebagai stok yang dicetak tetapi tidak dibeli.

Pertimbangan dan kerjasama Puan dalam perkara ini, kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT

Presiden Sesi 2021-2023

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

s.k:

En Mohd Khair Ngadiron

Pengarah

Urusetia Tetap,

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aras 1, Blok 2251, Bangunan Mustapha Kamal,

Jalan Usahawan 1

63000 Cyberjaya.



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011989)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Tarikh : 16 Ogos 2021
Rujukan Kami : mabopa/bstp/2021(7)

Kepada :

Puan Maznah Binti Abu Bakar

Pengarah

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Persiaran Bukit Kiara

Bukit Damansara

50604 WP Kuala Lumpur

Email : maznah.abubakar@moe.gov.my



Assalamualaikum Wrt Brt,

YBrs. Puan Maznah binti Abu Bakar,

PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH AKHIR PEMBEKALAN BUKU TEKS CETAKAN SEMULA (BCS) KEGUNAAN TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak Puan, MABOPA telah menjalankan satu tinjauan di kalangan ahli mengenai kerja-kerja pembekalan buku teks yang sedang berlangsung sekarang.

Pihak MABOPA mendapati, majoriti penerbit akan menghadapi kesukaran untuk memenuhi penghantaran Pesanan BCS 2022 ke seluruh negara berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan oleh JPN masing-masing.

Hal ini disebabkan oleh:

- a. Hanya 44% ahli MABOPA sahaja yang sudah menerima Surat Kebenaran MITI untuk beroperasi. Mengikut maklumat terkini, proses permohonan Surat Kebenaran mengambil masa beberapa hari.
- b. Hanya 52% pencetak sahaja yang sudah beroperasi dibawah Fasa 1 & Fasa 2 PPN. Pencetak lain dimaklumkan sedang membuat persediaan untuk memulakan semula operasi dan membuat pesanan kertas. Pencetak juga maklumkan yang sudah ada senarai menunggu yang panjang untuk dicetak, dan memerlukan masa.


- c. Pembekalan buku teks ke sekolah-sekolah memerlukan masa tambahan kerana waktu operasi pihak sekolah yang anjal dan terikat dengan SOP. Ada sekolah yang hanya beroperasi setengah hari sahaja, dan menyebabkan penghantaran terganggu.
- d. Kemungkinan berlaku kelewatan di luar jangka, sekiranya berlaku kluster di tempat kerja, penerbit/pencetak/pengedar terpaksa ditutup sekurang-kurang 14 hari mengikut SOP KKM.

3. Sehubungan itu, dengan takzimnya MABOPA memohon pertimbangan pihak Puan untuk **melanjutkan tarikh penghantaran Pesanan BCS 2022 kepada akhir September 2021 bagi Semenanjung Malaysia, dan akhir Oktober 2021 bagi Sabah dan Sarawak.**

4. Besarlah harapan MABOPA jika pihak puan dapat mempertimbangkan hal ini agar ahli-ahli kami mempunyai ruang untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Perhatian dan pertimbangan pihak tuan dalam hal ini, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT

Presiden Sesi 2021-2023

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

s.k:

En Mohd Khair Ngadiron

Pengarah

Urusetia Tetap,

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aras 1, Blok 2251, Bangunan Mustapha Kamal,

Jalan Usahawan 1

63000 Cyberjaya.

Email : mohdkhair@moe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Educational Resources and Technology Division
Persiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2081 7777
Fax: 603-2081 7788

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: KPM.600-6/1/3 Jld.6 ()

Tarikh: Ogos 2021
Muharram-1443

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
No 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A,
Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

**PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH AKHIR PEMBEKALAN BUKU TEKS
CETAKAN SEMULA (BCS) KEGUNAAN TAHUN 2022**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bernombor rujukan **mabopa/bstp/2021(7)** dan bertarikh **16 Ogos 2021** adalah berkaitan.

2. Permohonan penangguhan pembekalan oleh pihak tuan berkaitan pembekalan buku teks cetakan semula (BCS) kegunaan tahun 2022 bagi negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah diterima dan diteliti oleh Bahagian ini. Dimaklumkan bahawa Bahagian ini akan memberi pertimbangan bagi kebenaran lanjut tempoh pembekalan berdasarkan justifikasi bahawa pembekalan buku teks cetakan semula (BCS) tidak dapat disempurnakan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 *Total Lockdown* yang bermula pada 1 Jun 2021.

3. Permohonan bagi kebenaran lanjut tempoh pembekalan hendaklah dibuat oleh syarikat masing-masing untuk dipertimbangkan. Ini adalah disebabkan terma dan tempoh pesanan kontrak (CO) bagi setiap penerbit dan pembekal adalah berbeza. Oleh yang demikian, tempoh pelanjutan pembekalan bagi syarikat berkenaan juga adalah berbeza. Untuk makluman, kebenaran lanjut tempoh pembekalan ini adalah bagi judul yang kontrak masih aktif sahaja. Manakala bagi judul di bawah perolehan sebut harga, permohonan hendaklah dibuat kepada JPN atau BSTP mengikut di mana kontrak pesanan tersebut dikeluarkan.

4. Sebagai makluman, pihak BSTP telah memohon kelulusan khas pengoperasian bagi syarikat berkaitan penerbitan, pencetakan dan pembekalan buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pihak BSTP akan memaklumkan kepada pihak tuan apabila kelulusan tersebut diperoleh.

5. Maklumat lanjut berkaitan perkara di atas boleh diperoleh daripada **En. Abd Razak bin Mohamad Yusof** di talian **03-88844312** atau **En. Azlan Syazani bin Adanan** di talian **03-88844530** atau **Pn. Noor Aziran binti Hamid** di talian **03-8884 4352**.


Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZNAH BINTI ABU BAKAR)
Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

SZ/SPBT/PESANAN202



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Educational Resources and Technology Division
Persiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 603-2081 7777
Fax: 603-2081 7788

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami:

KPM.600-6/1/3 Jld.7(50)

Tarikh:

12 Oktober 2021
05 Rabiulawal 1443

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA),
No 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A,
Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

**KELULUSAN KHAS PENGOPERASIAN BAGI SYARIKAT BERKAITAN PENERBITAN,
PERCETAKAN DAN PEMBEKALAN BUKU TEKS, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan telah menerima maklum balas dari Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) berkaitan permohonan kelulusan khas pengoperasian bagi syarikat berkaitan penerbitan, percetakan dan pembekalan buku teks, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk beroperasi semula terutama bagi melaksanakan kerja berkaitan percetakan dan pembekalan buku teks KPM dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).

... 3. Bersama-sama ini disertakan surat kelulusan seperti pada **LAMPIRAN 1** untuk makluman dan tindakan oleh pihak tuan.

4. Maklumat lanjut berkaitan perkara di atas boleh diperoleh daripada **En. Abd Razak bin Mohamad Yusof** di talian 03-88844312 atau **En. Azlan Syazani bin Adanan** di talian 03-88844530 atau **Pn. Maizura binti Md Rejab** di talian 03-8884 4352.

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MAZNAH BINTI ABU BAKAR A.N.S, P.M.C)

Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

MAU/SPBT/PESANA/2021

"Peneraju Generasi Digital"

KPM.600-6/1/3 Jld.7 (50)

LAMPIRAN 1


RAHSIA



KETUA PENGARAH KESELAMATAN NEGARA
Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras G & JG, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8872 4201
Faks : 03-8888 3001
Portal Rasmi : www.mkn.gov.my
E-mel : kpm@mkn.gov.my



YBhg. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusoff
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

YBhg. Datuk

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : MKN.(R).8.700-5/27 Jld. 38
Tarikh : 03 September 2021

Tersul PP
Tindelen
DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOFF
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia 8/9


MEMOHON KELULUSAN KHAS PENGOPERASIAN BAGI SYARIKAT BERKAITAN PENERBITAN, PERCETAKAN DAN PEMBEKALAN BUKU TEKS, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Datuk mengenai perkara di atas dan surat pihak YBhg. Datuk rujukan KPM.600-6/3/1 JLD 3 (38) bertarikh 12 Ogos 2021 adalah dirujuk.

2. Sukacita Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) mengambil maklum mengenai permohonan kelulusan khas bagi syarikat berkaitan penerbitan, percetakan dan pembekalan buku teks, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk beroperasi semula terutama bagi melaksanakan kerja berkaitan percetakan dan pembekalan buku teks KPM dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).

3. Dalam hal ini, MKN, JPM pada dasarnya TIADA HALANGAN terhadap permohonan pengoperasi syarikat berkaitan penerbitan, percetakan dan pembekalan buku teks sehingga bulan November 2021 bagi membolehkan agihan buku teks kepada murid dapat dilaksanakan pada bulan Disember 2021 serta membantu murid dan guru melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dengan pematuhan perkara-perkara berikut:

3.1. Pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) PPN Fasa 1 dan SOP-SOP berkaitan yang sedang berkuat kuasa;



Suts TBL
Kenyah Buku Teks

"PEMIKIRAN STRATEGIK PUNCA KEMENANGAN"

Uthi Kuda-kuda Layat
TKSU (PP) 27/9/2021

RAHSIA

RAHSIA

- 3.2. Mengemukakan maklumat pengoperasian ke dalam COVID-19 *Intelligent Management System* (CIMS) 3.0 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
- 3.3. Pengoperasian syarikat mengikut masa yang ditetapkan sehingga November 2021 dan hanya bagi tujuan penerbitan, percetakan dan pembekalan buku teks KPM sahaja;
- 3.4. Syarikat hanya dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja berdasarkan peratusan (%) pekerja yang telah lengkap menerima vaksin seperti berikut :

Kadar peratusan (%) pekerja yang lengkap menerima vaksin	Kadar peratusan (%) kapasiti pekerja yang dibenarkan beroperasi
40 %	60%
60%	80%
80%	100%

- 3.5. Pihak syarikat digalakkan untuk menjalankan ujian calitan COVID-19 secara kerap dan berkala kepada keseluruhan pekerja yang terlibat;
 - 3.6. Pematuhan sepenuhnya ke atas semua protokol kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti pemeriksaan suhu badan, mengimbas MySejahtera, penjarakan fizikal, penyediaan *hand sanitizer* dan pemakaian pelitup muka; dan
 - 3.7. Sebarang kehadiran pekerja dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), *Person Under Surveillance* (PUS) dan sedang dalam Perintah Kuarantin adalah tidak dibenarkan sama sekali.
4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk adalah dimohon untuk mengambil maklum dan mematuhi akan sebarang perubahan terhadap SOP yang diumumkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. SOP berkaitan boleh disemak melalui laman sesawang MKN,JPM di <https://www.mkn.gov.my/>. Sebarang ketidakpatuhan SOP yang ditetapkan boleh diambil tindakan di bawah Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.

RAHSIA

5. Sehubungan dengan itu, dikemukakan maklum balas di atas untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJI RODZI BIN MD SAAD)

Edaran dalaman:

1. YBhg. Datuk TKPN (KS)
2. YBrs. TKPN (PK)
3. Pengarah BPPKN

Salinan kepada :

1. **YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah**
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
2. **YBhg. Dato' Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 28, Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
3. **YDH CP Datuk Zainal Abidin bin Kasim**
Pengarah
Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam
Polis DiRaja Malaysia
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR



MALYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Tarikh : 26 Oktober 2021
Rujukan Kami : mabopa/bstp/2021(8)



Kepada :

Puan Maznah Binti Abu Bakar

Pengarah

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Persiaran Bukit Kiara

Bukit Damansara

50604 WP Kuala Lumpur

E-mel : maznah.abubakar@moe.gov.my

Assalamualaikum Wrt Brt,

YBrs. Puan Maznah binti Abu Bakar,

**PERMOHONAN SENARAI PEMBEKAL BUKU TEKS CETAKAN SEMULA (BCS) BEKALAN
2021 KEGUNAAN 2022**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Kami dengan rendah diri ingin memohon jasa baik Puan untuk mendapatkan senarai maklumat berikut:

1. Senarai kontraktor-kontraktor yang memenangi tender/sebutharga bagi pembekalan Buku Teks Cetakan Semula (BCS) Bekalan 2021 Kegunaan 2022 serta kawasan bekalan mereka
2. Senarai JPN/PPD yang masih belum mengeluarkan tender/sebutharga bagi pembekalan Buku Teks Cetakan Semula (BCS) Bekalan 2021 Kegunaan 2022

Maklumat ini akan dapat banyak membantu penerbit untuk membuat pemantauan aktif mengenai status pembekalan. Kami di MABOPA berharap pemantauan aktif ini dapat mengurangkan risiko berkaitan isu pembekalan atau stok Buku Teks Cetakan Semula.

3. Pertimbangan dan kerjasama Puan dalam perkara ini, kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT

Presiden Sesi 2021-2023

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

s.k:

En Mohd Khair Ngadiron

Pengarah

Urusetia Tetap,

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aras 1, Blok 2251, Bangunan Mustapha Kamal,

Jalan Usahawan 1

63000 Cyberjaya.

E-mel : mohdkhair@moe.gov.my



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011989)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan Kami : mabopa/bstp/2022(2)

Tarikh : 12 Januari 2022

YBrs. Puan Maznah Binti Abu Bakar

Pengarah

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia

Persiaran Bukit Kiara

Bukit Damansara

50604 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Assalamualaikum Wrt Brt.

Puan,

MOHON SENARAI BUKU TEKS UNTUK KEGUNAAN TAHUN 2022

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) ingin memohon untuk mendapatkan senarai buku teks termasuk tajuk buku baru Tahun 6 untuk kegunaan tahun 2022.

3. Senarai ini akan memudahkan persediaan pembukaan sekolah tahun 2022 pada bulan Mac akan datang. Penerbit serta pengedar dapat membuat persediaan lebih baik untuk melancarkan persiapan pembukaan sekolah nanti.

Pertimbangan dan keprihatinan Puan dalam hal ini, kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT.

Presiden Sesi 2021/2023.

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Educational Resources and Technology Division
Persiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 603-2081 7777
Fax: 603-2081 7788

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KPM.600-6/2/7 (58)
Tarikh : 3 Januari 2022

Pengerusi
Malaysian Book Publishers Association (MABOPA)
No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A
Dataran Prima
47301 Petaling Jaya
Selangor

Tuan,

PENYERAHAN PROTOTAIP BUKU TEKS DIGITAL MASA HADAPAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan taklimat yang telah diadakan pada 26 April 2021 antara pihak Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), KPM dengan wakil penerbit dan mesyuarat penyelarasan bersama-sama MABOPA pada 5 Julai 2021 bagi membincangkan konsep buku teks digital masa hadapan KPM, pihak penerbit dialu-alukan untuk menyertai pembangunan Prototaip Buku Teks Digital Masa Hadapan .
3. Untuk makluman tuan, semua penyertaan adalah ditanggung sendiri oleh penerbit. Sehubungan dengan itu BSTP berbesar hati memohon penerbit yang berminat untuk menyerahkan prototaip tersebut ke BSTP, Putrajaya pada atau sebelum 4 April 2022.
4. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan, boleh berhubung dengan Puan Noor Aini binti Ibrahim pada talian telefon 019-2917090/ 03-88844408.

...2/-

" Peneraju Generasi Digital "

KPM.600-6/2/7 ()

-2-


Kerjasama dan keprihatinan daripada pihak tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“PENERAJU GENERASI DIGITAL”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZNAH BINTI ABU BAKAR ANS, PMC)

Pengarah

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tel.: 03-20818002

Faks: 03-20818100

E-mel: maznah.abubakar@moe.gov.my

s.k.: Fail



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PERBINCANGAN DENGAN MABOPA MENGENAI BUKU TEKS DIGITAL INTERAKTIF MASA HADAPAN...

1. Ucapan Pengerusi

2. Pembangunan Prototaip Digital : -

- Hebahan kepada semua penerbit
- Time Line -
- Presentation/Showcase kepada KPM

3. Permohonan kebenaran mendigitalkan buku teks KPM

4. Hal-hal Lain.

Draf: Kerangka Pendidikan Digital

PENDIDIKAN DIGITAL					
DASAR					
Penggunaan inovatif teknologi digital dalam ekosistem pendidikan untuk melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing					
OBJEKTIF					
1. Membangunkan murid fasih digital untuk memenuhi keperluan era digital		2. Mengupayakan pendidik untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem pendidikan		3. Memperkukuh infostruktur, infrastruktur dan kandungan pendidikan digital	
TERAS STRATEGIK					
 T1 MURID BERKEMAHIRAN DIGITAL	 T2 PENDIDIK YANG KOMPETEN DIGITAL	 T3 BUDAYA KEPIMPINAN DIGITAL YANG BERWAWASAN	 T4 INFO & INFRASTRUKTUR YANG MENGUPAYAKAN	 T5 KANDUNGAN DIGITAL YANG BERKUALITI	 T6 RAKAN STRATEGIK YANG KOMITED
STRATEGI					
S1.1 - Memantapkan pendidikan digital dalam kurikulum kebangsaan	S2.1 -	S3.1 -	S4.1 -	S5.1 -	S6.1 -
S1.2 - Melaksanakan pendekatan	S2.2 -	S3.2 -	S4.2 -	S5.2 -	S6.2 -

Paparan 3-1: Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia

RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

VISI

Menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital dan mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan

OBJEKTIF

Menggalakkan pemain industri menjadi pencipta, pengguna dan yang menerima guna model perniagaan inovatif di bawah ekonomi digital

Memfaatkan modal insan yang boleh berjaya dalam ekonomi digital

Mewujudkan ekosistem yang bersepadu bagi membolehkan masyarakat menguasai ekonomi digital

6 TERAS

1

Memacu transformasi digital sektor awam

2

Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan

3

Membina infrastruktur digital yang menyokong

4


Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten

5

Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif

6

Membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TERAS 4: MEMBANGUNKAN BAKAT DIGITAL YANG TANGKAS DAN KOMPETEN

1. Mengintegrasikan kemahiran digital dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah

2. Mengalih tumpuan pendidikan vokasional dan tertiar dari kemahiran khusus berkaitan kerja kepada kompetensi dan kebolehsuaian

3. Melatih semula kemahiran tenaga kerja semasa dengan kemahiran digital yang diperlukan untuk kekal relevan

4. Memastikan pekerja *gig* dilindungi dan dilengkapi dengan kemahiran yang bersesuaian



TERAS 04 Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten

S1: Mengintegrasikan kemahiran digital dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah


1 Memperkenalkan program "My Device" untuk memastikan semua pelajar di Malaysia mendapat akses kepada pembelajaran digital

OBJEKTIF

Membolehkan semua pelajar sekolah mendapat akses kepada pembelajaran digital

PENERANGAN INISIATIF

- Inisiatif ini bertujuan memperkenalkan program "My Device" supaya pelajar akan mempunyai peralatan digital melalui pelbagai mekanisme bergantung kepada pendapatan isi rumah masing-masing
- Program ini akan dilaksanakan melalui kerjasama antara kerajaan, swasta dan rakyat. Melalui kerjasama ini, pelajar akan dibekalkan dengan pelan data dan peralatan yang dilengkapi tetapan keselamatan yang ketat untuk memastikan penggunaan dan kawalan peralatan yang berkesan



OUTCOME

- Pengalaman pembelajaran yang lebih baik
- Pelajar dilengkapi sepenuhnya dengan peralatan digital
- Jurang digital semakin berkurangan

Garis Masa: Fasa 1 hingga Fasa 2 (2021 – 2025)

PENERAJU

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

SASARAN

Setiap pelajar sekolah memperoleh peralatan digital tersendiri



S1: Mengintegrasikan kemahiran digital dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah

2 Memperkenalkan pakej digital untuk memastikan semua sekolah di Malaysia mempunyai ketersambungan yang baik

OBJEKTIF

Melengkapkan semua sekolah dengan ketersambungan internet yang baik untuk memudahkan pembelajaran secara digital

PENERANGAN INISIATIF

- Inisiatif ini bertujuan menyediakan ketersambungan internet yang baik di sekolah untuk memudahkan pembelajaran secara dalam talian melalui pengenalan pakej digital khusus
- Mengenal pasti model pembiayaan melalui sumbangan daripada sektor swasta dan CSO untuk menyokong pelaksanaan inisiatif ini



OUTCOME

- Pelajar mempunyai akses yang saksama kepada ketersambungan internet untuk menguasai pembelajaran secara digital

Garis Masa: Fasa 1 hingga Fasa 2 (2021 – 2025)

PENERAJU

KPM

SASARAN

Semua sekolah mendapat akses kepada ketersambungan internet



S1: Mengintegrasikan kemahiran digital dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah

3 Menerima guna teknologi digital dengan kerjasama sektor swasta untuk meningkatkan keseluruhan persekitaran pembelajaran

OBJEKTIF

Menyediakan platform untuk menguruskan pengajaran dan pembelajaran dalam talian di sekolah rendah

PENERANGAN INISIATIF

- Inisiatif ini bertujuan mempercepat penerimgunaan teknologi digital dalam kurikulum semasa dan mata pelajaran sedia ada untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan menyemai keyakinan pelajar tentang teknologi digital bermula dari usia muda
- *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA)* sedia ada akan diperluas dari segi kandungan dan liputan untuk menjadi lebih berkesan
- Teknologi digital juga boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kualiti pendidikan STEM di sekolah menengah



OUTCOME

- Penerapan teknologi digital dalam penyampaian pendidikan
- Pembentukan pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar

Garis Masa: Fasa 1 hingga Fasa 2 (2021 – 2025)

PENERAJU

KPM

SASARAN

Semua sekolah menerima guna penyelesaian dan teknologi digital dalam penyampaian pendidikan menjelang tahun 2025



S1: Mengintegrasikan kemahiran digital dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah

4 Semua sekolah di Malavsia akan menjadi *Digital Maker Schools*

OBJEKTIF

- Melengkapkan pelajar dengan pemikiran kreatif dan kemahiran inovasi digital
- Merubah peranan pelajar daripada pengguna kepada pengeluar teknologi

PENERANGAN INISIATIF

- Inisiatif ini bertujuan memperluas bilangan Sekolah Juara di seluruh negara
- Program ini akan melengkapkan pelajar dan guru dengan kemahiran dan peralatan digital yang diperlukan untuk memupuk kemahiran membuat penyesuaian dan pemikiran inovatif melalui pelaksanaan aktiviti dan pertandingan
- Sekolah Juara *My Digital Maker* memerlukan sokongan daripada pemain industri dalam bentuk pembiayaan, pembangunan konsep secara bersama dan latihan

OUTCOME

- Pelajar berupaya membuat penyesuaian, mencipta dan berinovasi dengan teknologi digital

Garis Masa: Fasa 1 hingga Fasa 3 (2021 – 2030)

PENERAJU

KPM dan KKMM

SASARAN

2,500 Sekolah Juara *My Digital Maker* menjelang tahun 2030



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

S1: Mengintegrasikan kemahiran digital dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah

5 Memperkenalkan program "My Digital Teacher" untuk menggalakkan guru menguasai sepenuhnya penggunaan peralatan dan teknologi digital

OBJEKTIF

Meningkatkan kemahiran guru untuk menguasai teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran serta tugas pentadbiran

PENERANGAN INISIATIF

- Inisiatif ini bertujuan melaksanakan program pembangunan profesional untuk melengkapkan guru dengan pengetahuan dan peralatan digital bagi meningkatkan kemahiran mengajar dan pengurusan kerja
- Mencipta penyelesaian inovatif berasaskan teknologi secara bersama dengan syarikat teknologi untuk meningkatkan pengurusan kerja guru yang berkaitan dengan penyediaan perancangan pengajaran, alat bantu mengajar dan pelaporan



OUTCOME

- Kadar penggunaan teknologi yang lebih tinggi dalam kalangan guru
- Peningkatan keupayaan dan kemampuan guru dalam menggunakan teknologi digital
- Pengurangan tempoh masa untuk tugas pentadbiran

Garis Masa: Fasa 2 (2023 – 2025)

PENERAJU

KPM

SASARAN

Semua guru mengikuti program latihan *My Digital Teacher* pada tahun 2025

TERAS 04 Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten

6 Memperluas bank pengetahuan yang mempunyai akses terbuka untuk menempatkan bahan pengajaran bagi kegunaan pendidik

OBJEKTIF

Mewujudkan bank pengetahuan untuk bahan pendidikan dalam format digital

PENERANGAN INISIATIF

- Inisiatif ini bertujuan mewujudkan bank pengetahuan yang mengandungi bahan pendidikan dengan kualiti dan standard yang mematuhi garis panduan KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
- Kandungannya merangkumi senarai bahan pengajaran dalam format elektronik seperti buku kerja digital dan kertas latihan serta sumber pengajaran seperti video dan audio sijar
- Bank pengetahuan akan dilengkapi dengan antara muka yang lancar bagi menambah baik pengalaman pengguna

OUTCOME

- Pendidik mendapat akses kepada bahan pengajaran melalui bank pengetahuan yang mempunyai akses terbuka

Garis Masa: Fasa 2 (2023 – 2025)

PENERAJU

KPM dan KPT

SASARAN

Pewujudan bank pengetahuan yang mempunyai akses terbuka pada tahun 2025

S1: Mengintegrasikan kemahiran digital dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah

INISIATIF		OUTCOME	SASARAN
PERKHIDMATAN	PENDIDIKAN		
	Menggalakkan penerbit buku teks dan buku aktiviti untuk beralih kepada pendigitalan dengan menerbitkan e-buku dan menghasilkan format interaktif	Penambahbaikan berterusan bahan digital pendidikan dengan kos yang lebih rendah	1. Semua pelajar di Malaysia mendapat akses kepada pembelajaran dalam talian 2. Kadar penerimgunaan digital dalam perniagaan meningkat
	Memperkasakan institusi pendidikan dan pendidik untuk menerima guna teknologi digital bagi melaksanakan pengajaran dalam talian	Peningkatan akses kepada pendidikan dalam talian	1. Semua pelajar di Malaysia mendapat akses kepada pembelajaran dalam talian 2. Semua pendidik di Malaysia menggunakan peralatan dan teknologi digital
	Merangka dan memperkenalkan garis panduan teknikal penggunaan data dalam sektor pendidikan	Kawal selia data pelajar yang berkesan di samping memastikan pematuhan kepada peraturan serta melindungi semua pengguna	1. Mempunyai data yang boleh dibaca oleh mesin dan diakses melalui API 2. Mempunyai ekosistem pendidikan yang terjamin dan boleh dipercayai



Menambah baik kurikulum mata pelajaran supaya menepati keperluan era digital dan Pendidikan 4.0

Membudayakan penggunaan kreatif dan inovatif dan teknologi digital dalam penyampaian kurikulum dan pentaksiran

Pembangunan satu model pembelajaran hibrid yang terancang bagi tujuan pembelajaran digital.



Memperkukuh infostruktur,
infrastruktur dan kandungan
pendidikan digital

Melahirkan **Generasi Fasih Digital
Yang Berdaya Saing**

Memperkasa kandungan digital yang memenuhi
standard dan keperluan kurikulum



**Membangunkan sumber pendidikan terancang dan berstruktur yang
mengandungi pelbagai bahan PdP**

Antaranya buku teks, audio dan video pendidikan, simulasi, gamifikasi,
bahan berbentuk realiti terimbuh (*augmented reality – AR*), realiti maya
(*virtual reality – VR*) dan sebagainya.

Pelbagai *delivery* format yang interaktif


Disusun dan dibahagikan mengikut susunan tajuk dalam buku teks
secara berstruktur bagi mengupayakan pembelajaran murid yang
pelbagai keperluan dan memberikan pengalaman pembelajaran yang
menyeronokkan kepada murid.

Sesi dialog bersama-sama industri.-

Memanfaatkan jalinan kerjasama dan penglibatan komuniti, pemegang
taruh dalam aspek latihan, RnD, perantisan, konsultasi, pemindahan
teknologi dan pihak berkepentingan bagi memacu pendidikan digital
serta meningkatkan kerjasama KPM dan sektor swasta dalam
penyelidikan dan pemindahan teknologi digital.

Contoh- contoh video berkaitan Interaktif


- <https://youtu.be/LV-RvzXGH2Y-> video contoh Buku teks akan datang.
- <https://youtu.be/475H7Ag6Cuo>- Lerner Digital Interactive Books
- <https://youtu.be/BmadTQNrAeA>-The Interactive Books of the Exhibition 'Ideas of Switzerland'-National Museum Zurich
- <https://youtu.be/XGaWXs5Quns>-Interactive book
- <https://youtu.be/jWIGbapXc74>-3D Interactive Holographic Display
- <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/spot2021/menu-utama> SPOT



Cara Buku Teks Bercetak lebih Interaktif



Cara AR CODE & QR CODE - Rangkaian dan Aktiviti Interaktif



AKTIVITI & LATIHAN

KULIT BUKU

- Pendahuluan buku,
- Maklumat terkini, penulis, Amalan Terbaik Guru DUL

AKHIRAN BUKU

- Bahan rujukan tambahan
- Cadangan jawapan

KANDUNGAN BUKU TEKS

- Video, audio, flash, animasi bahan pembelajaran
- Lembaran kerja
- Bahan rujukan guru/portal sumber guru
- Cadangan aktiviti tambahan
- Aplikasi pembelajaran
- Latihan Interaktif- permainan, kahoot, kuit diti

Berpusatkan murid Watak & situasi dekat murid & lebih mesra murid

SAINS TINGKATAN 3 Halaman 135



SAINS TINGKATAN 3 QR- Video - tentang jantung

CARA QR DAN AR BERINTERAKTIF DALAM BUKU TEKS BERCETAK

SAINS TINGKATAN 3




PENDIDIKAN MUZIK TINGKATAN 1
Halaman 8- Perbezaan bermain secara strumming dan plucking

GEOGRAFI TINGKATAN 2
- Peredaran Bumi




Sains Tingkatan 1





CARA QR CODE DAN AR CODE BERINTERAKTIF DALAM BUKU TEKS BERCETAK

Sains Tingkatan 4, hal. 146 (AR Code - Permainan)






Muka surat 184 (AR Code- permainan)



Sains Tingkatan 4, hal. 128



Sains Tingkatan 4, hal. 122




Sains Tingkatan 4 248 - video animasi elavision
















CAHOOT







KUIZ



AKTIVITI

BAHASA MELAYU





MALYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan Kami : mabopa/bstp/2022(3)

Tarikh : 9 Februari 2022



YBrs. Puan Maznah Binti Abu Bakar

Pengarah

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia

Persiaran Bukit Kiara

Bukit Damansara

50604 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Assalamualaikum Wrt Brt.

YBrs. Puan Maznah,

MAKLUMBALAS DARIPADA PERBINCANGAN DENGAN PENERBIT MENGENAI BUKU TEKS DIGITAL MASA DEPAN

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Penerbit Malaysia (MABOPA) telah mengadakan suatu perbincangan bersama penerbit-penerbit buku teks berdasarkan panggilan BSTP untuk penyerahan prototaip Buku Teks Digital Masa Hadapan sebelum 4 April 2022.

3. Secara umumnya, para penerbit amat positif bahawa penggunaan teknologi digital yang prihatin akan dapat membawa pelbagai manfaat kepada sistem pendidikan negara. Para penerbit telah menyatakan bahawa mereka sedia bekerjasama untuk mencapai objektif tersebut.

4. Bagi penyediaan prototaip buku teks digital, beberapa penerbit yang menghadiri perbincangan ini telah menyatakan bahawa mereka masih kurang jelas mengenai keperluan spesifikasi prototaip tersebut. Kekurangan maklumat yang jelas ini membawa keraguan untuk membuat pelaburan dalam R&D dan penghasilan prototaip, andai kata prototaip tersebut tidak selaras dengan keperluan sebenar ekosistem pendidikan. Senario tersebut akan menyebabkan pelaburan tersebut menjadi satu kerugian. Oleh itu, wujud satu risiko bahawa beberapa penerbit akan 'tunggu dan lihat' bagi keputusan selanjut pihak KPM, walaupun mereka berminat untuk turut serta.

5. Berdasarkan isu ini, pihak penerbit dengan rendah diri meminta penjelasan tambahan daripada pihak BSTP dalam isu-isu berikut:

- A. Apakah masalah-masalah spesifik yang ingin diatasi oleh pihak KPM melalui pelaksanaan buku teks digital? Jika cabaran dan keperluan sebenar pengguna dapat disenaraikan, ia akan membolehkan pengintegrasian teknologi-teknologi dan ciri-ciri yang sesuai, tanpa pembaziran pelaburan.
- B. Apakah tahap penggunaan bahan dan komponen digital yang sedia ada? Ini akan memberikan maklumat mengenai ciri-ciri perisian yang berguna kepada pengguna, agar ciri perisian yang kurang digunakan tidak perlu dihasilkan.
- C. Apakah anggaran bajet dan bilangan pengguna bagi satu tajuk? Ini akan membolehkan pihak penerbit memilih teknologi yang sesuai dengan bajet.

Pihak MABOPA sedia untuk bekerjasama dengan pihak KPM untuk membincangkan isu-isu yang terlibat selanjutnya, demi kejayaan ekosistem pendidikan negara. Kami boleh dihubungi menerusi:

- Encik S. Sivabalan, Pengerusi Penerbitan Akademik & Buku Teks MABOPA (+60162662887)
- Saudari Irdahwati Md Jani, Setiausaha Eksekutif MABOPA (+60123163236)

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT.

Presiden Sesi 2021/2023.

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Educational Resources and Technology Division
Persiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 603-2081 7777
Fax: 603-2081 7788

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KPM.600-6/2/7 (63)
Tarikh : 06 April 2022

Presiden
Malaysian Book Publishers Association (MABOPA)
No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A
Dataran Prima
47301 Petaling Jaya
Selangor

Tuan,

**MAKLUMAN TENTANG PEMBANGUNAN DAN PENYERAHAN PROTOTAIP
BUKU TEKS DIGITAL MASA HADAPAN KEPADA BAHAGIAN SUMBER DAN
TEKNOLOGI PENDIDIKAN KPM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan mesyuarat antara pihak Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) dengan pihak MABOPA dan wakil penerbit pada 8 Mac 2022 tentang pembangunan Prototaip Buku Teks Digital (BTD) Masa Hadapan, mesyuarat telah bersetuju untuk menangguhkan penyerahan prototaip BTD Masa Hadapan kepada BSTP pada atau sebelum 30 April 2022.

3. Sehubungan dengan itu, penerbit juga perlu mematuhi format yang betul supaya prototaip tersebut boleh diguna pakai dalam pelantar DELIMa KPM. Prototaip tersebut perlu bersesuaian (*compatible*) dengan *browser* (web service & HTML 5). BSTP juga ingin menegaskan bahawa kos pembangunan prototaip BTD Masa Hadapan adalah di bawah tanggungan penerbit sepenuhnya.

... 4. Bersama-sama ini dilampirkan Minit Mesyuarat Perbincangan Bersama Penerbit Konsep Baharu Buku Teks Masa Hadapan dan Panduan Umum Penyediaan Prototaip Buku Teks Digital Masa Hadapan seperti pada **Lampiran 1** untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

5. Bagi menghantar penyertaan prototaip BTD Masa Hadapan kepada BSTP, penerbit perlu mengisi google form di bawah:
https://bit.ly/BORANG_PENGHANTARAN_PROTOTAIP

...2/-

-2-

5. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan, boleh berhubung dengan Puan Noor Aini binti Ibrahim pada talian telefon 019-2917090/ 03-88844408.

Kerjasama dan keprihatinan daripada pihak tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“PENERAJU GENERASI DIGITAL”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZNAH BINTI ABU BAKAR ANS, PMC)

Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Tel.: 03-20818002
Faks: 03-20818100
E-mel: maznah.abubakar@moe.gov.my

s.k.: Fail

PANDUAN PENYEDIAAN PROTOTAIP BUKU TEKS MASA HADAPAN

Pengenalan

Prototaip Buku Teks Masa Hadapan ialah 'mock-up' produk sebenar yang disediakan untuk mendapat maklum balas pengguna tentang gambaran keseluruhan termasuk pengoperasian dan kefungisian Buku Teks Masa Hadapan.

Penyediaan Prototaip Buku Teks Masa Hadapan

Prototaip Buku Teks Masa Hadapan yang lengkap perlu menepati perkara yang berikut:

1. Prototaip boleh dibuat dalam format XML dan HTML5 atau format lain yang terkini.
2. Aplikasi prototaip boleh dibaca secara *cross-platform* bagi semua sistem pengoperasian utama semasa.
3. Aplikasi prototaip ringan dan tidak membebankan peranti pengguna.
4. Aplikasi prototaip boleh digunakan pada pelbagai peranti.
5. Interaktiviti dan kandungan prototaip adalah secara bukan linear (*non-linear*).
6. Aplikasi yang dibangunkan mesti menggunakan *bandwidth* yang kecil untuk download dan boleh berkongsi secara *peer-to-peer* (P2P).
7. Reka bentuk antara muka pengguna yang mudah difahami (*user-friendly*).
8. Aplikasi prototaip mengandungi elemen-elemen multimedia interaktif.

Kandungan Prototaip

1. Memenuhi kehendak Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh KPM.
2. Penerbit bebas untuk memilih mana-mana mata pelajaran.
3. Prototaip yang dibangunkan adalah seperti produk sebenar. (sekurang-kurangnya 1 PdP yang lengkap).
4. Reka bentuk dan reka letak prototaip adalah mengikut kreativiti penerbit.
5. Bilangan elemen multimedia yang dimasukkan dalam buku digital ini adalah bebas.

Cabaran Pelaksanaan Buku Teks Digital Masa Hadapan

1. Perkembangan psikomotor murid terganggu (kemahiran menulis).
2. Masalah kesihatan (mata murid, postur badan).
3. Pengawasan penggunaan BTM di kalangan murid.
4. Bebanan kepada murid dan guru jika perlu dicetak.
5. Capaian internet tidak secara menyeluruh terutamanya di kawasan pedalaman.
6. Penyelenggaraan peranti yang perlu berterusan.
7. Penggunaan elektrik terlalu tinggi di sekolah.
8. Spesifikasi peranti murid yang digunakan.
9. Pegawai untuk mengurus storan.
10. Kemahiran pengurusan sosial murid berkurang.
11. Kos latihan kepada guru untuk penggunaan BTM.
12. Kos penyelenggaraan untuk storan.
13. Pembangunan BTM melibatkan kos yang tinggi

Keperluan Murid-Murid Terhadap Penggunaan Buku Teks Digital

1. BTM boleh digunakan secara online/offline dan boleh dicetak. (POD).
2. Mengatasi isu beg murid yang berat.
3. Penggunaan teknologi AI dapat mengenal pasti tahap kecerdasan murid yang pelbagai.
4. Aplikasi yang mesra pengguna mengikut tahap murid.
5. BTM boleh dikemas kini dengan mudah dan cepat.
6. Memenuhi keperluan pembelajaran Murid Berkeperluan Khas (MBK) dengan lebih berkesan.
7. Selari dengan keperluan generasi fasih digital.
8. Kandungan BTM memenuhi gaya belajar murid yang berbeza (Auditori, Visual, Kinestetik)

Tahap Penggunaan Bahan dan Komponen Digital Sedia Ada

1. QR Cod
2. AR
3. VR
4. Video
5. Audia
6. Animasi
7. Gamifikasi

**MINIT MESYUARAT PERBINCANGAN BERSAMA PENERBIT
PEMBANGUNAN PROTOTAIP BUKU TEKS DIGITAL MASA HADAPAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BIL. 1/2022**

Tarikh : 8 Mac 2022 (Selasa)
Masa : 09:30 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Aras 3, Blok E15,
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan**

KEHADIRAN

1. En Shaiful Hasnan bin Abdul Hamid
Timbalan Pengarah
Sektor Dasar, Perancangan dan Penyelidikan - Pengerusi
2. YBhg. Datin Noriza binti Asmuni
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
3. Puan Noor Aini binti Ibrahim
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
4. Encik Hazman bin Che Sidik
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
5. Puan Rabiah binti Mohamed Idriss
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
6. Puan Hajah Zurinah @ Rosmawati binti Rajab
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
7. Puan Norma Hazura binti Mohd Zulkafli
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
8. Puan Norsila binti Ismail
Ketua Penolong Pengarah
Sektor Standard dan Pengurusan Kualiti
9. Puan Nani Herlin binti Jamin
Penolong Pengarah
Sektor Dasar, Perancangan dan Penyelidikan

10. Puan Rozana binti Aini@Zaini
Penolong Pengarah
Sektor Standard dan Pengurusan Kualiti
11. Puan Norlida binti Mohd. Yaacob
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
12. Encik Zaid Arafat bin Mohd Noor
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
13. Encik Abdul Razak bin Husin
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
14. Tuan Syed Hafizul Hilmi bin Syed Othman
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
15. Puan Nur Syariza binti Zainal Abidin
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
16. Puan Faizah binti Mansor
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
17. Cik Noorhayati binti Ali
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
18. Dr. Firdaus binti Abdul Fatah
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
19. Puan Murni@Saharila binti Abdullah
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
20. Encik Hairul Nizam bin Hasnan
Penolong Pengarah
Sektor Penghasilan Buku Teks
21. Encik Arief Hakim
Wakil PTS Media Group Sdn. Bhd
22. Encik Che Mazlan
Wakil Al-Ameen Serve
23. Encik Sheikh Faisal
Wakil Shake Book Projects Sdn Bhd

24. Encik Siva Sathinathan
Wakil Uma Publications
25. Encik Sum Lin Kang
Wakil Penerbitan Pelangi Sdn Bhd
26. Encik Chok Siew Sin
Wakil Sasbadi Sdn Bhd
27. Encik Khor Shuqi
Wakil Odonata Publishing Sdn Bhd
28. Encik Chia Hai Chew
Wakil Pan Asia Publications Sdn Bhd
29. Encik Law King Hui
Wakil Orbit Buku Sdn Bhd
30. Encik Noraizan bin Ibrahim
Wakil Xentral Methods Sdn Bhd
31. Encik Mohd Fauzet bin Mazlan
Wakil Aras Mega (M) Sdn Bhd
32. Encik Abdul Ghani bin Abu
Wakil Dewan Bahasa dan Pustaka
33. Encik Koh Yok Hwa
Wakil Gemilang Publishing Sdn bhd
34. Encik Mohamed Subuhan
Wakil IMS Book Trading
35. Encik Izzat Izhar
Wakil Bestari Karangraf Sdn bhd
36. Encik Nor Azri Jalel
Wakil Telaga Biru Sdn Bhd
37. Encik Poh Swee Hiang
Wakil Tunas Pelangi Sdn Bhd
38. Ong Bee Fong (Dalam Talian)
Wakil Pan Asia Publications Sdn Bhd
39. Ang Lee Eng (Dalam Talian)
Bantuan pihak Datin Paduka dalam perkara ini, akan memberikan ruang bernafas kepada para penerbit dari segi aliran tunai dalam waktu sukar ini. Moga-moga dengan bantuan ini, para penerbit dapat bertahan, dan dapat menjaga kebajikan para pekerja mereka dalam waktu sukar ini.

Pihak MABOPA bersedia untuk dipanggil berbincang secara online pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.

1. En Arief Hakim Sani, Presiden. Mobile : 016-6611435. Email : ariefhs@pts.com.my
2. En Sheikh Faisal, Setiausaha Kehormat, Mobile : 012-6520002. Email : shake@bookprojects.com.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT

Presiden Sesi.

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).

s.k:

En Mohd Khair Ngadiron

Pengarah

Urusetia Tetap,

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aras 1, Blok 2251, Bangunan Mustapha Kamal,

Jalan Usahawan 1

63000 Cyberjaya.

Email : mohdkhair@moe.gov.my



MALYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan Kami : mabopa/ppat/2021(1)

Tarikh : 21 Jun 2021



Norliza binti Ismail

Pemangku Pengarah

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,

Bangunan Perpustakaan Negeri,

Padang Hiliran

Jalan Kemajuan,

21572 Kuala Terengganu,

Terengganu

E-mel: ppat@trglib.gov.my

Assalamualaikum Wrt Brt.

YBrs. Puan,

**PER : MEMOHON BANTUAN UNTUK MERINGANKAN KESAN PELAKSANAAN PKP 3.0
KEPADA PENERBIT BUKU**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Puan mengenai perkara diatas.

Secara umumnya, industri buku sedang melalui satu waktu yang amat sukar apabila PKP 3.0 dilaksanakan di seluruh negara. Kedai buku terpaksa ditutup, dan penerbit kehilangan sebahagian besar punca jualan mereka. Jualan online sudah meningkat, tetapi masih belum dapat menutup kehilangan jualan dari kedai buku fizikal.

Menyedari kesukaran yang sedang berlaku sekarang, kami memohon bantuan pihak Puan seperti berikut;

1. Supaya pembelian buku untuk kegunaan perpustakaan diteruskan dalam waktu PKP ini. Kami juga memohon pertimbangan supaya pembelian dapat dipercepatkan untuk memberikan suntikan aliran tunai pada waktu sukar ini.
2. Supaya pembelian ebook untuk khidmat pinjaman diteruskan, ditambah dan jika sesuai supaya dipercepatkan.
3. Supaya penganjuran pesta buku fizikal (jika ada) ditukar kepada bentuk pesta buku dalam talian. Contohnya, PBAKL Online 2020 dan 2021, yang dianjurkan dengan kerjasama pihak Shopee.


Bantuan pihak Puan dalam perkara ini, akan memberikan ruang bernafas kepada para penerbit dari segi aliran tunai dalam waktu sukar ini. Moga-moga dengan bantuan ini, para penerbit dapat bertahan, dan dapat menjaga kebajikan para pekerja mereka dalam waktu sukar ini.

Pihak MABOPA bersedia untuk dipanggil berbincang secara online pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.

1. En Arief Hakim Sani, Presiden. Mobile : 016-6611435. Email : ariefhs@pts.com.my
2. En Sheikh Faisal, Setiausaha Kehormat, Mobile : 012-6520002. Email : shake@bookprojects.com.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT

Presiden Sesi 2021/2023

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).

s.k:

En Mohd Khair Ngadiron

Pengarah

Urusetia Tetap,

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aras 1, Blok 2251, Bangunan Mustapha Kamal,

Jalan Usahawan 1

63000 Cyberjaya.

Email : mohdkhair@moe.gov.my



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan Kami : mabopa/pustakansarawak/2021(1)
Tarikh : 21 Jun 2021



Arpah Binti Adenan
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak
Jalan Pustaka, off Jalan Stadium
93050 Kuching
Sarawak, Malaysia
E-mel: arpaha@sarawak.gov.my

Assalamualaikum Wrt Brt.

YBrs. Puan,

PER : MEMOHON BANTUAN UNTUK MERINGANKAN KESAN PELAKSANAAN PKP 3.0 KEPADA PENERBIT BUKU

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Puan mengenai perkara diatas.

Secara umumnya, industri buku sedang melalui satu waktu yang amat sukar apabila PKP 3.0 dilaksanakan di seluruh negara. Kedai buku terpaksa ditutup, dan penerbit kehilangan sebahagian besar punca jualan mereka. Jualan online sudah meningkat, tetapi masih belum dapat menutup kehilangan jualan dari kedai buku fizikal.

Menyedari kesukaran yang sedang berlaku sekarang, kami memohon bantuan pihak Puan seperti berikut;

1. Supaya pembelian buku untuk kegunaan perpustakaan diteruskan dalam waktu PKP ini. Kami juga memohon pertimbangan supaya pembelian dapat dipercepatkan untuk memberikan suntikan aliran tunai pada waktu sukar ini.
2. Supaya pembelian ebook untuk khidmat pinjaman diteruskan, ditambah dan jika sesuai supaya dipercepatkan.
3. Supaya penganjuran pesta buku fizikal (jika ada) ditukar kepada bentuk pesta buku dalam talian. Contohnya, PBAKL Online 2020 dan 2021, yang dianjurkan dengan kerjasama pihak Shopee.

Bantuan pihak Puan dalam perkara ini, akan memberikan ruang bernafas kepada para penerbit dari segi aliran tunai dalam waktu sukar ini. Moga-moga dengan bantuan ini, para penerbit dapat bertahan, dan dapat menjaga kebajikan para pekerja mereka dalam waktu sukar ini.

Pihak MABOPA bersedia untuk dipanggil berbincang secara online pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.

1. En Arief Hakim Sani, Presiden. Mobile : 016-6611435. Email : ariefhs@pts.com.my
2. En Sheikh Faisal, Setiausaha Kehormat, Mobile : 012-6520002. Email : shake@bookprojects.com.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT

Presiden Sesi 2021/2023

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).

s.k:

En Mohd Khair Ngadiron

Pengarah

Urusetia Tetap,

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aras 1, Blok 2251, Bangunan Mustapha Kamal,

Jalan Usahawan 1

63000 Cyberjaya.

Email : mohdkhair@moe.gov.my



MALYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan Kami : mabopa/ssl/2021(1)

Tarikh : 21 Jun 2021



Puan Hajah Fatimah Abdillah

Pengarah

Perpustakaan Negeri Sabah
Jalan Tasik, Off Jalan Maktab Gaya,
Locked Bag 2023
88300 Luyang
Kota Kinabalu, Sabah.
E-mel: Fatimah.Abdillah@sabah.gov.my

Assalamualaikum Wrt Brt.

YBrs. Puan,

PER : MEMOHON BANTUAN UNTUK MERINGANKAN KESAN PELAKSANAAN PKP 3.0 KEPADA PENERBIT BUKU

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Puan mengenai perkara diatas.

Secara umumnya, industri buku sedang melalui satu waktu yang amat sukar apabila PKP 3.0 dilaksanakan di seluruh negara. Kedai buku terpaksa ditutup, dan penerbit kehilangan sebahagian besar punca jualan mereka. Jualan online sudah meningkat, tetapi masih belum dapat menutup kehilangan jualan dari kedai buku fizikal.

Menyedari kesukaran yang sedang berlaku sekarang, kami memohon bantuan pihak Puan seperti berikut;

1. Supaya pembelian buku untuk kegunaan perpustakaan diteruskan dalam waktu PKP ini. Kami juga memohon pertimbangan supaya pembelian dapat dipercepatkan untuk memberikan suntikan aliran tunai pada waktu sukar ini.
2. Supaya pembelian ebook untuk khidmat pinjaman diteruskan, ditambah dan jika sesuai supaya dipercepatkan.
3. Supaya penganjuran pesta buku fizikal (jika ada) ditukar kepada bentuk pesta buku dalam talian. Contohnya, PBAKL Online 2020 dan 2021, yang dianjurkan dengan kerjasama pihak Shopee.


Bantuan pihak Puan dalam perkara ini, akan memberikan ruang bernafas kepada para penerbit dari segi aliran tunai dalam waktu sukar ini. Moga-moga dengan bantuan ini, para penerbit dapat bertahan, dan dapat menjaga kebajikan para pekerja mereka dalam waktu sukar ini.

Pihak MABOPA bersedia untuk dipanggil berbincang secara online pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.

1. En Arief Hakim Sani, Presiden. Mobile : 016-6611435. Email : ariefhs@pts.com.my
2. En Sheikh Faisal, Setiausaha Kehormat, Mobile : 012-6520002. Email : shake@bookprojects.com.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT

Presiden Sesi 2021/2023

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).

s.k:

En Mohd Khair Ngadiron

Pengarah

Urusetia Tetap,

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aras 1, Blok 2251, Bangunan Mustapha Kamal,

Jalan Usahawan 1

63000 Cyberjaya.

Email : mohdkhair@moe.gov.my



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH

JALAN KOLAM AIR, 05100 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-733 3592/731 4695

Faks : 04-732 3660

E-mel : info@kedahlib.gov.my

Laman Web : http://www.kedahlib.gov.my



كرد سجاھترة

KEDAH SEJAHTERA

NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : PPAK 600-7/1/14 Jilid 3 (8)

Tarikh : 12 Januari 2022

9 Jamadilakhir 1443H

Senarai seperti edaran;

Tuan,

JEMPUTAN RAKAN STRATEGIK SEMPENA FESTIVAL BUKU LANGKAWI 2022

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah akan mengadakan **Festival Buku Langkawi 2022** yang akan disempurnakan perasmianya oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, SPMK., AMK., Menteri Besar Kedah Darul Aman pada **24 Mac 2022 (Khamis)** di **Langkawi Fair Shopping Mall**. Oleh hal demikian, satu perbincangan akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 19 Januari 2022 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah

3. Sehubungan itu, pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah berbesar hati menjemput tuan untuk menghadiri perbincangan tersebut. Bersama-sama ini disertakan pautan *link zoom meeting*, kertas kerja dan lampiran Persetujuan Rakan Strategik Festival Buku Langkawi 2022 untuk makluman dan tindakan tuan.

4. Kerjasama dan sokongan tuan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian,

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"
"MELESTARIKAN BUDAYA MEMBACA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHAHIZAN AFFANDI BIN ZAKARIA, B.C.K.)

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah



0049172



0049172

CAWANGAN :

SUNGAI PETANI – 04-4240351
YAN – 04-465 5205
BALING – 04-470 2984
MERBOK – 04-457 3500

KULIM – 04-490 5845
BANDAR BAHARU – 04-407 6961
KUALA NERANG – 04-786 5298
KUALA KEDAH – 04-7621846

JITRA – 04-917 2568
LANGKAWI – 04-966 6944
SIK – 04-469 3545
KDL – 04-7027796

Edaran kepada;

1. **MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA**
Aras 1, No. 2251,
Bangunan Mustapha Kamal, Jalan Usahawan 1,
63000 Cyberjaya,
SELANGOR DARUL EHSAN
No. Telefon : +603-8321 7011
No. Faks : 03-8321 7012
Emel : mbkm@moe.gov.my; mohdkhair@moe.gov.my

2. **MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION (MABOPA)**
No. 7-6, Block E2,
Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya,
SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : +603-78805840
No. Faks : +603-78805841
Emel: info@mabopa.com.my ; ariefhs@pts.com.my

3. **MOHD YUSRI KAMARUDDIN**
TIMB. PENGARAH PENERBITAN
(MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA -MAPIM)
Penerbit USM
11800, USM
PULAU PINANG
Emel: yusri@usm.my

4. **TUAN SAKRI BIN ABDULLAH**
PENGARAH URUSAN
INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA
Wisma ITBM, No.2 Jalan 2/27E,
Seksyen 10, Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.
Emel : sakri@itbm.com.my

JEMPUTAN RAKAN STRATEGIK SEMPENA FESTIVAL BUKU LANGKAWI 2022

Tarikh : 19 Januari 2022 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Tuan,

Dilampirkan pautan *link zoom meeting* untuk rujukan dan tindakan.

Join Zoom Meeting

<https://us02web.zoom.us/j/4432392683?pwd=U0lMd0JoWmq0b1NlUWE2Nnhrd2V3UT09>

Meeting ID: 443 239 2683

Passcode: ppak123

Lampiran

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Jalan Kolam Air,
05100 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

Tuan/Puan,

PERSETUJUAN RAKAN STRATEGIK SEMPENA FESTIVAL BUKU LANGKAWI 2022

Kami disini
bersetuju untuk bekerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah di dalam
menganjurkan Festival Buku Langkawi 2022 mengikut ketetapan seperti berikut:

Sila tandakan (/) yang berkenaan.

BIL.	PAKEJ	KEPERLUAN	GANJARAN / TAWARAN
1.	Rakan Strategik	Sumbangan berbentuk promosi iaitu; 1. Media Sosial 2. Kos Percetakan –flyer, banner, poster dan billboard 3. Hadiah, hamper atau baucer pembelian. 4. Cenderamata.	Logo Jabatan/Organisasi /Institusi/ Syarikat akan dimuat naik di semua media promosi dengan kaedah nyata (flyer, banner, poster dan billboard) dan maya (media sosial; Facebook, Instagram, TikTok dan Whatsapp).

Individu untuk dihubungi :

Telefon :

Email/Fax :

.....

.....

Cop & Tandatangan

Tarikh

Sila hantar semula borang ini melalui faks **04-7336232** atau email rehan@kedahlib.gov.my beserta logo Jabatan/Organisasi/Institusi/Syarikat yang beresolusi tinggi sebelum **19/01/2022**.



AGENCI NUKLEAR MALAYSIA
MALYSIAN NUCLEAR AGENCY
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
Ministry Of Science, Technology And Innovation
Bangi, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

NUKLEAR
MALAYSIA

Tel : 603 - 8911 2000
Faks : 603 - 8911 2175
Web : <https://www.nuclearmalaysia.gov.my/>

Ruj. Kami (Our Ref.): NM: BKT.UKL.004.003.006 klt 13 ()
Ruj. Tuan (Your Ref.):
Tarikh (Date) : 17 Januari 2022

Encik Arief Hakim Sani Rahmat
Presiden
Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
No. 7-6, Block E2
Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima
47301 Petaling Jaya
Selangor

Tuan,

**SEMINAR DAN BENGKEL PENULISAN & PENERBITAN
SAINTIFIK 2022 PADA 28 – 30 JUN 2022, MELAKA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) akan menganjurkan Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2022 untuk kali ke-13 yang dijadualkan berlangsung pada 28 – 30 Jun 2022 di Melaka.
3. Sehubungan itu, saya berharap agar Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dapat menyokong seminar kali ini. Melalui kerjasama dan sokongan MABOPA, kami percaya seminar tersebut akan lebih efektif dan menjadi landasan ke arah penerbitan saintifik yang berkualiti. Agensi lain yang akan meneruskan sokongan adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dewan Bahasa & Pustaka dan Majalah Sains.
4. Atas persetujuan daripada MABOPA sebagai organisasi yang menyokong seminar ini, logo MABOPA akan diletakkan di halaman hadapan brosur seminar sebagai salah sebuah organisasi 'sokongan' begitu juga pada *backdrop* serta bunting. Saya percaya penglibatan MABOPA akan meningkatkan citra seminar ini dan berupaya mengekalkan momentum dan menarik penyertaan dalam skala yang lebih besar.


5. Pihak penganjur berharap agar tuan dapat memberikan maklum balas seberapa segera sebelum atau pada 28 Januari 2022 supaya persediaan seminar dapat dibuat dengan lancar. Sokongan yang berterusan oleh tuan dalam menjayakan Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2022 amatlah diharapkan dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"TEKNOLOGI NUKLEAR PEMACU WAWASAN NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SIDEK BIN OTHMAN)

Pengarah Kanan

(Program Pengkomersilan & Perancangan Teknologi)

b.p Ketua Pengarah

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Tel : 03 - 8911 2000 samb. 1604

Faks : 03 - 8911 2180

E-mel : sidek_othman@nuclearmalaysia.gov.my



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011989)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Ruj. Tuan : NM: BKT.UKL.004.003.006 klt 13 ()
Ruj. Kami : mabopa/ANM/2022(1)
Tarikh : 28 Januari 2022



Mohd Sidek Bin Othman

Pengarah Kanan

Program Pengkomersilan & Perancangan Teknologi
Agensi Nuklear Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Bangi, 43000 Kajang
Selangor.

Tuan,

SEMINAR DAN BENGKEL PENULISAN & PENERBITAN SAINTIFIK 2022 PADA 28 - 30 JUN 2022, MELAKA

Dengan hormatnya surat tuan bertarikh 17 Januari 2022 dengan no rujukan NM: BKT.UKL.004.003.006 klt 13 () adalah dirujuk.

2. Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) sangat berbesar hati menyokong Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2022 untuk kali ke-13 anjuran Agensi Nuklear Negara.

3. Kami berharap seminar dan bengkel ini mendapat sambutan dalam skala yang besar serta meningkatkan lagi penyertaan yang lebih ramai daripada peserta-peserta terutamanya peserta dalam bidang akademik.

Kami ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak tuan kerana sudi melibatkan MABOPA dalam seminar dan bengkel kali ini.

Sekian.

Yang benar,

ARIEF HAKIM SANI RAHMAT

Presiden

Sesi 2021-2023

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

MEMORANDUM

CADANGAN UNTUK PEMULIHAN INDUSTRI BUKU DI MALAYSIA DALAM BAJET 2022

yang dikemukakan kepada

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

oleh



**PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA
(MABOPA)**

bertarikh
7 September 2021

Memorandum:
Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia
Dalam Belanjawan 2022

Latar Belakang

Memorandum ini dikemukakan oleh Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA). MABOPA telah ditubuhkan pada tahun 1969 bagi mewakili kepentingan para penerbit buku di Malaysia. MABOPA dianggotai oleh 180 ahli yang merupakan syarikat-syarikat penerbitan buku utama di negara ini.

Industri buku sedang menghadapi cabaran yang luar biasa, disebabkan oleh pandemik Covid-19, daya beli lemah, polisi kerajaan dan juga gangguan (*disruption*) digital.

Memorandum ini dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tujuan mengutarakan beberapa tindakan untuk memulihkan industri buku.

Kebanyakan cadangan yang kami utarakan, adalah untuk mengembalikan polisi yang terbukti berkesan sebelum ini.

Ada beberapa polisi baharu yang dicadangkan bertujuan untuk :-

- Untuk mendepani cabaran digitalisasi.
- Untuk menjadi industri yang kalis (*resilient*) kepada Covid-19 yang endemik.

Justeru, MABOPA memohon kerjasama dan jasa baik MOF bagi meneliti perkara-perkara berikut, yang boleh dipertimbangkan untuk memulihkan industri buku Malaysia.

Memorandum:
Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia
Dalam Belanjawan 2022

Cadangan Untuk Belanjawan 2022.

1. MENGEMBALIKAN DANA UNTUK KEMPEN MEMBACA NASIONAL DAN BANCIAN PEMBACAAN NASIONAL

Tabiat membaca kalangan rakyat Malaysia boleh dikategorikan sebagai masih berkembang. Oleh itu, pelaburan untuk menanam minat membaca ini perlu diteruskan secara konsisten setiap tahun.

Kami mencadangkan supaya **kempen membaca peringkat nasional diberikan peruntukan khusus secara konsisten setiap tahun**. Kempen membaca nasional berskala besar pernah dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada masa dulu.

Kami juga mencadangkan supaya **Bancian Pembacaan Nasional (*National Reading Survey*) dibuat secara berkala dan konsisten**. Bancian ini akan memberikan data dan *trend*, untuk penggubal polisi membuat sasaran dan keputusan yang tepat berkaitan buku dan pembacaan.

2. MENGEMBALIKAN INSENTIF PELEPASAN CUKAI INDIVIDU RM1000 KHUSUS UNTUK PEMBELIAN BUKU

Bermula tahun taksiran 2017, insentif pembelian buku telah dimasukkan kepada kategori Pelepasan Cukai Gaya Hidup sebanyak RM2500, yang merangkumi pembelian komputer, peralatan sukan, telefon pintar, *tablet*, langganan internet dan yuran keahlian gimnasium.

Di bawah Pelepasan Cukai Gaya Hidup, kos langganan internet sahaja telah mengambil sebahagian besar daripada tuntutan yang boleh dibuat. Pelepasan terhad RM 2500 ini tidak cukup untuk meliputi pembelian buku pendidikan untuk anak bersekolah, dan bacaan peribadi.

Memorandum:
Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia
Dalam Belanjawan 2022

Insentif ini sekiranya dikembalikan, akan sentiasa **menggalakkan pembelian bahan bacaan oleh individu (*private consumption*)**, untuk keperluan pendidikan diri dan keluarga.

Adalah satu kerugian besar apabila kerajaan tidak memberikan insentif spesifik untuk rakyat melabur pada pendidikan anak (dalam bentuk buku), dan melabur pada pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*) mereka. Pelaburan pada pendidikan dan ilmu adalah *fundamental* untuk memajukan negara dan rakyat.

3. MENGEMBALIKAN DANA UNTUK PEMBELIAN BUKU PERPUSTAKAAN DI SEMUA PERINGKAT

Beberapa tahun terakhir ini menyaksikan pembelian buku oleh perpustakaan peringkat pra-sekolah, sekolah, universiti, komuniti, negeri dan nasional jatuh dengan teruk. Setelah saban tahun dipotong, kualiti dan kuantiti buku dalam perpustakaan sudah semakin kurang, rosak dan usang.

Selalu kita dengar, keluhan pelajar yang buku di perpustakaan sekolah mereka tidak menarik. Ini membantutkan minat membaca anak-anak kita di sekolah.

Kami mencadangkan **supaya dana pembelian buku dan bahan bacaan dipulihkan**, terutamanya untuk;

- Pusat Sumber Sekolah, di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM),
- Perpustakaan Akademik & Universiti, di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT),
- Perpustakaan Awam bawah Negeri & Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan
- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Memorandum:
Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia
Dalam Belanjawan 2022

4. TRANSFORMASI PERPUSTAKAAN SEKOLAH KEPADA KHIDMAT DIGITAL.

Kami mencadangkan, **agenda transformasi Perpustakaan Digital diperkasakan dan diberikan peruntukan yang lebih besar.**

Khidmat digital sudah menjadi saluran utama untuk masyarakat dalam zaman Covid ini. Tranformasi kepada digital akan menjadikan perpustakaan lebih kalis (*resilient*) kepada impak Covid yang endemik.

Data pinjaman ebook dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) jelas menunjukkan yang jumlah pinjaman ebook sudah melangkaui jumlah pinjaman buku cetak dalam masa endemik ini. Pengguna perpustakaan sudah mula adaptasi dengan norma baharu untuk menggunakan sumber digital.

Kami percaya guru dan pelajar bersedia untuk khidmat perpustakaan digital.

5. MENINGKATKAN DANA BAGI PEMBELIAN BUKU TEKS BERCETAK.

Walaupun transformasi kepada penghasilan kandungan digital telah pun bermula, buku-buku fizikal merupakan bahan asas yang terbukti membawa kesan positif dalam sistem pendidikan. Selain itu, **buku teks fizikal juga merupakan satu-satunya cara untuk membolehkan akses dan ekuiti bagi semua pelajar di seluruh negara.**

Negara kita masih belum mampu memastikan infrastruktur internet kelajuan tinggi yang seragam di seluruh negara, maka ***social safety net*** seperti buku teks asas masih sangat diperlukan.

6. MEWUJUDKAN DANA PEMUDAHCARA UNTUK BUKU TEKS DIGITAL.

Dalam masa yang sama, kami menyokong agenda transformasi sekolah digital yang sedang diusahakan di KPM.

Memorandum:
Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia
Dalam Belanjawan 2022

Kami mencadangkan supaya **agenda ini diperkuatkan dengan pemberian dana pemudahcara khusus untuk pembangunan dan perolehan bahan-bahan pendidikan digital** seperti buku teks interaktif, portal ilmu pengetahuan online dan sebagainya.

Kami mencadangkan dana tambahan untuk perolehan bahan pendidikan digital diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Manakala dana pemudahcara khusus bagi pembangunan bahan pendidikan digital diletakkan di bawah agensinya yang berkaitan seperti Perbadanan Kota Buku.

7. MEMULANGKAN HAK CIPTA KANDUNGAN BUKU TEKS KEPADA PENERBIT.

Mengikut sistem perolehan buku teks semasa, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil alih hak cipta bagi buku teks yang memenangi tender/sebutharga sesuatu matapelajaran.

Ini menyebabkan penerbit tidak dapat menggunakan semula kandungan tersebut untuk menghasilkan bahan lain bagi pasaran tempatan dan antarabangsa. Adalah dianggarkan bahawa kandungan bernilai berpuluhan juta ringgit kini tersimpan di tangan pihak KPM, yang tidak dapat membawa pendapatan tambahan kepada industri buku dan ekonomi negara.

Kami mencadangkan **supaya harta intelek buku teks ini dikembalikan kepada penerbit, supaya dapat dipelbagaikan dalam bentuk *spin-off* untuk menjana pendapatan baharu.**

Langkah memulangkan semula harta intelek buku teks ini akan memperkukuhkan aset penerbit di bawah kategori *non-tangible asset*. Kami berharap, satu hari nanti, aset harta intelektual boleh digunakan sebagai satu bentuk cagaran dalam pinjaman untuk merencanakan lagi ekonomi negara.

Memorandum:

Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia

Dalam Belanjawan 2022

Sesungguhnya, polisi perolehan yang mengambil harta intelek daripada penerbit ini tidak menguntungkan kerajaan, dan juga industri. Perubahan polisi ini hampir tidak ada impak kewangan kepada pihak kerajaan, tetapi akan memberi impak besar kepada industri buku.

8. MEWUJUDKAN GERAN UNTUK PENGANJURAN PESTA BUKU FIZIKAL DAN HIBRID PERINGKAT KEBANGSAAN, NEGERI DAN DAERAH.

Kami mencadangkan supaya kerajaan menyediakan satu dana untuk membantu penganjuran pesta buku

- **secara Fizikal**, selepas berakhirnya pandemik Covid-19,
- **dan secara Hibrid** setiap bulan, menggunakan platform e-dagang

di peringkat nasional, negeri dan daerah yang akan membawa lebih banyak buku dengan harga berpatutan ke peringkat rakyat.

Suntikan geran penganjuran pesta buku ini akan **merancakkan pemulihan industri buku secara organik, dan memberi stimulus kepada rantaian sektor *Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions* (MICE).**

Dana ini boleh diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, atau agensinya Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

9. MEWUJUDKAN GERAN KAJIAN UNTUK INDUSTRI BUKU.

Salah satu kelemahan utama industri buku Malaysia ialah kekurangan kajian dan pengumpulan data. Sehingga sekarang data yang ada masih bersifat sangat asas dan masih banyak lompong data yang masih kosong.

Ahli akademik dibawah disiplin penerbitan, komunikasi bersedia untuk menjalankan kajian yang mendalam jika ada *research grant*.

Memorandum:
Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia
Dalam Belanjawan 2022

Kami mencadangkan supaya **diwujudkan satu geran kajian khusus untuk industri buku**, dan dana ini boleh diletakkan dibawah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), agensi di bawah KPM.

10. MEWUJUDKAN GERAN PEMULIHAN UNTUK KEDAI BUKU PERINGKAT DAERAH DAN LUAR BANDAR.

Tahun	Kedai Buku Tutup
2018	16
2019	19
2020	32
Ogos 2021	19

Jumlah kedai buku yang tutup pada tahun 2020 menunjukkan kenaikan yang sangat tinggi akibat pandemik Covid-19. Kami menjangkakan yang jumlah kedai buku tutup akan meningkat sekali lagi selepas PKP 3.0 berakhir nanti.

Untuk masyarakat luar bandar dan pekan kecil, kedai buku masih merupakan sumber utama untuk mendapatkan barang persekolahan seperti buku, alat tulis dan buku agama. Akses kepada e-dagang masih belum mencapai 100% di seluruh negara. Oleh itu, kedai buku di peringkat daerah dan luar bandar perlu diselamatkan.

Untuk cuba **mengekalkan jumlah kedai buku di kawasan daerah dan luar bandar sedia ada**, kami mencadangkan supaya **Geran Promosi Kedai Buku secara one-off diberikan dalam Belanjawan 2022 menggunakan kaedah baucar buku**. Baucar buku boleh diberikan kepada penerima dari kumpulan B40, pelajar sekolah dan pelajar universiti untuk dibelanjakan di kedai buku kawasan mereka. Langkah ini diharapkan dapat memberi insentif supaya kedai buku di peringkat daerah dan luar bandar untuk terus bertahan bagi memberi khidmat kepada masyarakat setempat, di samping menggalakkan dan terus menanamkan minat membaca di kalangan masyarakat di kawasan-kawasan ini.


Memorandum:
Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia
Dalam Belanjawan 2022

Dana ini boleh diletakkan dibawah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), agensi di bawah KPM.

11. MENGHAPUSKAN CUKAI SST UNTUK SEMUA JENIS KERTAS.

Isu harga kertas adalah perkara yang sangat menekan sekarang. Harga kertas *Simili*, yang merupakan gred utama dalam cetakan buku dan alat tulis di Malaysia, berada pada paras tinggi (sekitar RM4000/ton). Ini menyebabkan kos penerbitan buku meningkat.

Carta *trend* harga bahan mentah untuk penghasilan kertas, iaitu pulpa kayu disertakan di bawah. Selain harga pulpa kayu, kelemahan Ringgit, dan penutupan kilang kertas tempatan, menyebabkan harga kertas di Malaysia menjadi tinggi.



Maka, kami memohon supaya pelepasan cukai SST diberikan kepada semua jenis kertas yang digunakan dalam penerbitan buku dan alat tulis.

Memorandum:
Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia
Dalam Belanjawan 2022

12. PENGURANGAN DAN PENANGGUHAN CUKAI UNTUK INDUSTRI PKS.

Industri buku tempatan secara majoritinya adalah terdiri dari Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Di dalam keadaan ekonomi sekarang, aliran tunai syarikat PKS terjejas teruk. PKS tidak mempunyai simpanan yang besar untuk bertahan lama.

Kami **mencadangkan supaya kerajaan memberikan pengurangan cukai pendapatan, dan di mana perlu untuk penangguhan pembayaran cukai, kepada syarikat PKS.**

Bantuan ini akan memberikan masa untuk syarikat PKS memperbaiki aliran tunai, dan mengurangkan risiko gulung tikar.

13. MEWUJUDKAN GERAN PEMUDAHCARA UNTUK TRANSFORMASI DIGITAL INDUSTRI BUKU.

Untuk melonjak ke fasa pendigitalan seterusnya (selepas e-dagang), kami mencadangkan supaya diwujudkan **geran pemudahcara transformasi digital untuk menukar bahan-bahan sedia ada kepada format baru seperti ebook, webtoon dan audiobook.**

Geran pemudahcara digital ini akan memberi manfaat ekonomi yang meluas dalam industri kreatif.

- Ia akan membuka *marketplace* baharu seperti webtoon dan audiobook.
- Ia membuka peluang konten *digital-first* untuk dipasarkan.
- Ia akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu yang berasaskan teknologi dan seni.

Dana ini boleh diletakkan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau agensinya yang sesuai seperti MDEC.

Memorandum:
Cadangan Untuk Pemulihan Industri Buku Di Malaysia
Dalam Belanjawan 2022

Penutup

Kami yakin, perkara - perkara utama ini, jika dapat dibantu oleh pihak kerajaan, akan memulihkan industri buku tempatan ke tahap asal sebelum krisis, dan membawa industri ke hadapan dalam era digital dan Covid-19 yang endemik.

Industri buku yang merangkumi sektor kreatif, budaya, intelek dan pendidikan, yang sihat dan mapan, akan menyumbang sebagai agen transformasi masyarakat dan negara.

MABOPA turut mengambil kesempatan ini bagi merakamkan ucapan terima kasih atas perhatian yang diberikan kepada kandungan Memorandum ini.



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan Kami : mabopa/kkmm/2021(2)

Tarikh : 9 September 2021



Kepada :

YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62100 Putrajaya, Malaysia.

Email : annuarmusa@kkmm.gov.my

Assalamualaikum Wrt Brt,

Yang Berhormat Tan Sri,

**PER : PERMOHONAN DANA PEMBANGUNAN DIGITAL UNTUK INDUSTRI BUKU
DALAM BAJET 2022.**

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

Seperti mana yang Yang Berhormat Tan Sri sedia maklum, pandemik Covid-19 ini telah memberikan impak yang sangat besar kepada industri buku tempatan.

KESAN NEGATIF

Dari sisi negatif, pandemik ini menyebabkan kejatuhan jualan fizikal di semua kedai buku. Pandemik ini juga menyebabkan pembatalan semua acara pesta buku utama seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL), *Big Bad Wolf*, *Popular Bookfest* dan pelbagai lagi pesta buku peringkat negeri.

Impak negatif ini juga dilihat daripada jumlah anggota dalam Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) sendiri. Pada tahun 2019 (sebelum pandemik), sebanyak 206 penerbit aktif di dalam persatuan. Pada tahun 2021, tinggal 163 penerbit sahaja yang masih aktif. MABOPA telah kehilangan 20% penerbit pada tahun lepas.

Pada tahun 2019 (sebelum pandemik), hanya 19 kedai buku menutup operasi. Tetapi pada tahun 2020, angka ini melonjak kepada 32 kedai buku yang telah menutup pintu. Penutupan kedai buku melonjak 69% pada tahun pandemik.

KESAN POSITIF

Melihat dari sisi positif, pandemik ini telah **mencetuskan transformasi digital besar-besaran industri buku kepada jualan e-dagang**. Industri buku telah bekerjasama secara strategik dengan Shopee Malaysia untuk melaksanakan PBAKL Online pada tahun 2020 dan 2021. Hasilnya, hampir semua penggiat industri buku (penerbit, kedai buku dan *self publisher*) menjual secara e-dagang. Saluran ini telah menjadi penyumbang besar kepada jualan buku. Namun begitu, secara keseluruhan, volum jualan buku masih merosot berbanding sebelum pandemik.

Selain lonjakan e-dagang, kita juga melihat **transformasi digital di sebelah perpustakaan awam** yang mencatatkan lonjakan tinggi pinjaman e-buku. Khalayak pengguna perpustakaan telah beradaptasi kepada norma baru, dengan melanggan khidmat pinjaman e-buku.

Anugerah Buku Malaysia anjuran MABOPA tahun 2020 juga telah dilaksanakan secara digital sepenuhnya pada Mac 2021. Bermula daripada pencalonan, penyerahan buku (secara e-buku sepenuhnya), penjurian hinggalah majlis penyampaian anugerah, telah dibuat digital 100%. **Ini menunjukkan keupayaan industri buku untuk terus beradaptasi dengan gelombang digitalisasi.**

MELONJAKKAN DIGITALISASI

Untuk mengatasi dilema pandemik, industri buku melihat kepada dua jalan keluar :

1. kadar vaksinasi dipercepatkan untuk mencapai *Herd Immunity*, supaya lebih banyak sektor ekonomi boleh dibuka semula.
2. **digitalisasi fasa pertama, iaitu transformasi e-dagang, dilonjakkan kepada digitalisasi fasa kedua, iaitu pendigitalan konten tempatan secara besar-besaran.**

Untuk digitalisasi fasa 2, kami berhasrat untuk **menukar secara besar-besaran konten buku kepada format digital seperti e-buku, *webtoon* dan buku audio.**

Industri buku telah mencatatkan kejayaan awal, di mana lebih 20 ribu tajuk buku lokal telah berjaya ditukar, dan dipasarkan dalam bentuk e-buku. Relatifnya, penghasilan e-buku dan *webtoon* tidak terlalu mahal, dan mampu dibuat secara *in-house* oleh penerbit buku.

Untuk memperhebatkan lagi pasaran baru digital, kami berhasrat untuk menukar puluhan ribu lagi konten lokal kepada format baru seperti *webtoon* dan buku audio. **Konten format baru ini akan menarik minat golongan baru daripada kategori *new readers* (terutamanya kumpulan *reluctant readers* dan *non-readers*).** Industri buku luar negara telah mencatatkan kejayaan besar dalam membesarkan pasaran mereka kepada *new reader*, menggunakan format buku audio.

Rintangan utama kami ialah **kos penghasilan buku audio yang relatifnya sangat mahal**. Penghasilan buku audio perlu kepada penggunaan studio, pelakon suara, dan *post production*. Dalam keadaan sekarang, di mana industri buku sedang tenat, sumber kewangan yang ada di sebelah penerbit sangat terhad dan mendesak.

Untuk mencapai hasrat lonjakan digital fasa kedua ini, **kami memohon untuk mencadangkan geran pemudahcara digital khusus untuk industri buku**, dengan sasaran untuk menghasilkan sekurang-kurangnya 2000 tajuk buku audio tempatan dalam pelbagai genre. Jumlah 2000 tajuk ini difikirkan mampu mencetuskan *marketplace* baru yang mapan untuk buku audio.

Geran pemudahcara digital ini akan memberi manfaat ekonomi yang meluas dalam industri kreatif.

- Ia akan membuka *marketplace* buku audio untuk ramai penggiat baru.
- Ia membuka peluang konten *audio-first* untuk dipasarkan.
- Ia akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baru yang berasaskan teknologi dan seni.
- Ia juga akan menjana data penerbitan baru untuk kajian industri.

Objektif akhir kita, pasaran baru buku audio ini akan menjadi satu sub-sektor yang mapan dan berdiri sendiri dalam ekosistem buku di negara ini.

Semoga hasrat dan cadangan kami ini dapat dibincangkan dengan lebih lanjut bersama pihak Yang Berhormat Tan Sri, dan agensi yang terlibat.

Pihak MABOPA bersedia untuk dipanggil berbincang secara online pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.

1. En Arief Hakim Sani, Presiden. Tel. : 016-6611435. E-mel : ariefhs@pts.com.my
2. En Sheikh Faisal, Setiausaha Kehormat, Tel. : 012-6520002.
E-mel : shake@bookprojects.com.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ARIEF HAKIM SANI BIN RAHMAT
Presiden.

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).
www.mabopa.com.my

s.k:

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek.

Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia.
Aras 35, Kompleks Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100, Putrajaya.
Email : mohammad.mentek@kkmm.gov.my

En Mohd Khair Ngadiron.

Pengarah.
Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).
Kementerian Pendidikan Malaysia.
Aras 1, Blok 2251, Bangunan Mustapha Kamal
Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya.
Email : mohdkhair@moe.gov.my



IPA Innovation in Publishing Award 2022

Application Guidelines

General Scope and Objective

The International Publishers Association's capacity to be effective lies in the strong commitment of individuals who are willing to give their time and energy to our organization and our goals. It also requires the IPA to be abreast of changes taking place in publishing, so we can act as a bellwether on behalf of our members and for the benefit of the wider publishing community.

A strong and united publishing industry requires publishers moving forward together, seizing new opportunities, transforming publishing practices and environments, and adapting to new circumstances and challenges. This award recognizes groups or individuals that implement innovative practices in publishing that can be replicated by others to the benefit of the whole industry. It will be presented every two years at the International Publishers Congress.

Eligibility

Independent publishers, publishing houses, Publishers Associations, or groups/individuals working within these institutions, that have led and implemented an original, innovative idea that may benefit the publishing industry are eligible. Eligibility is not affected if the publishing party collaborated with a third party from outside the publishing industry.

The purpose of these initiatives may involve, but is not limited to, protecting copyright, upholding freedom to publish, executing successful digital transformations, achieving diversity and inclusiveness in the industry, and driving education, reading or literacy. The initiative must exhibit a degree of innovation.

Nomination Process

Eligible candidates may nominate themselves or be nominated by other parties. To nominate a candidate or group, the following documentation in English must be sent to the IPA Secretariat:

- An email identifying the nominee(s), their contact details and providing information about their relevant merits;
- A confirmation from the nominators that they have contacted the nominee(s) who have agreed that their work be evaluated for this Award;
- A description (max. 500 words) of the initiative being nominated, and evidence about how it is unprecedented or innovative, and how it benefits the publishing industry in general.

Only nominations with all the required documentation will be considered.

Decision Process

The IPA Executive Committee will set up an 'Innovation in Publishing Award Jury' comprising 6 people to evaluate and choose a winner of the award. There will be no financial prize.

Please email all the required material to ipa.awards@internationalpublishers.org by close of business CET on Monday 25 April.

If you have any questions please direct them to José Borghino at borghino@internationalpublishers.org.

7.0

Cadangan Usul

Usul Pertama

Mencadang dan meluluskan penubuhan satu tabung khas dan/atau akaun khas di bawah seliaan MABOPA yang dinamakan sebagai 'Tabung Buku MABOPA', dengan fasal-fasal berikut ;

Objektif 'Tabung Buku MABOPA' ini ialah untuk mengumpul dana untuk membiayai aktiviti berkaitan program MABOPA yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat, industri buku dan ahli MABOPA.

Tabung khas dan/atau akaun khas ini akan berusaha untuk mendapatkan status pelepasan cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri atau seumpamanya, dan mematuhi syarat, peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan status ini.

Kepentingan MABOPA dalam tabung khas dan/atau akaun khas ini akan diwakili oleh penama, yang dilantik dari kalangan ahli Jawatankuasa Eksekutif MABOPA, oleh Jawatankuasa Eksekutif MABOPA, untuk memenuhi mematuhi syarat, peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

Tabung khas dan/atau akaun khas ini akan mempunyai tatacara kewangan yang mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri atau seumpamanya, dan undang-undang yang berkaitan, dan berbeza dari tatacara kewangan semasa MABOPA seperti yang ditetapkan dalam perlembagaannya.

Tabung khas dan/atau akaun khas ini, diasingkan sama sekali, tidak terkait dan tidak memberi kesan kepada kewangan MABOPA dalam sebarang bentuk atau cara.

Berikutan permintaan LHDN supaya Tabung Buku MABOPA yang ingin ditubuhkan ini boleh dipertimbangkan untuk kelulusan, saya ingin mengusulkan supaya Klausa 4 Perlembagaan MABOPA dimasukkan klausa di bawah ini, yang menyatakan:

'The Association is allowed to create a fund for charitable purposes to be named Tabung Buku MABOPA. The Board of Trustees of this fund must consist of at least 6 appointees, 50% of which must be third-party individuals deemed fit to be appointed by the Executive Committee, and the other 50% must be the President, Deputy President and Treasurer and other members to be appointed by the Executive Committee.'

Dicadangkan oleh Sheikh Faisal Sheikh Mansor, Shake Book Projects Sdn Bhd.

Usul Kedua

Saya ingin mencadangkan penambahan supaya klausa 4.3 Perlembagaan MABOPA yang menyatakan berikut:

“The Association to receive any forms of donation or contribution, cash or in kind. Donations or contributions in cash must be clearly and accurately declared in the Association's annual financial statement.”

Dicadangkan oleh Sheikh Faisal Sheikh Mansor, Shake Book Projects Sdn Bhd



Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

7-6, Blok E2, Jalan PJU 1/42A,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: +603 7880 5840 ; Fax: +603 7880 5841

E-mel: info@mabopa.com.my

www.mabopa.com.my